



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 13

RABU 1 APRIL, 1987.

رابعو 1 شعبان 1407

PERCUMA

MANISNYA IMAN

"Keberkatan itu adalah bersama orang-orang tua kamu."
— Hadis riwayat Tabarani dari Ibnu Abbas.

Kurniakan watikah perlantikan

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada dua orang bakal Duta-duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir dan Amerika Syarikat, Khamis lepas.

Istiadat yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu bermula dengan pengurniaan kepada Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Haji Mohammad Kassim bin Haji Md. Daud, bakal Duta Besar ke Republik Arab Mesir.

Kemudian diikuti pula pengurniaan kepada Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd. Suni bin Haji Idris bakal Duta Besar ke Amerika Syarikat.

Sejurus selepas istiadat pengurniaan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya berkenan menerima mengadap kedua orang bakal Duta-duta Besar itu.

Dato Seri Laila Jasa Haji Mohammad Kassim, 49 tahun, berkelulusan di bidang Sarjana Muda Sastera (Politik dan Ekonomi) dari Universiti Reading, England. Beliau adalah bekas Pesuruhjaya Tinggi Negara ini ke Singapura, selain daripada itu beliau pernah menjawat jawatan Pengarah Perjawatan, sementara itu Dato Paduka Awang Haji Suni, 51 berkelulusan Sarjana Muda Sastera dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat dan Sijil Pendidikan dari United Kingdom. Dato Paduka adalah juga bekas Ketua Pos Agung.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menyampaikan watikah perlantikan kepada Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Kassim, bakal Duta Besar Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir (kiri) dan kepada Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Suni, bakal Duta Besar Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat (kanan). — Gambar oleh Harun Rashid.

Import barangan Malaysia ke negara ini

56 peratus bahan makanan dan minuman

BERAKAS. — Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Datin Hajjah Jusnani binti Haji Lawie berkata import barangan makanan dan minuman dari Malaysia ke negara ini berjumlah 56 peratus.

Berucap ketika menyampaikan taklimat kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan rombongan di Pusat Dakwah Islamiah pagi kelmarin Datin Hajjah Jusnani menyatakan

Oleh Ahat Hj. Ismail

import kedua terbesar barangan Malaysia ke negara ini ialah barang-barang perkilangan yang berjumlah 17 peratus, 16 peratus kimia, jentera dan peralatan 5 peratus, dan lain-lain barang berjumlah 5.2 peratus.

Menurutnya, "Terdapat penurunan antara tahun 1980 hingga 1982. Kemudian eksport ke negara-negara Malaysia naik sedikit. Tetapi, import adalah tinggi dan jumlah import dari negara-negara Malaysia ke Brunei Darussalam 20 juta iaitu berbanding dengan 50 peratus tahun 1980."

Menyentuh mengenai per-

tumbuhan ekonomi negara, Datin Hajjah Jusnani menyatakan anggaran keluaran kasar (GNK) dalam negeri bagi sektor swasta pada harga barang menunjukkan kelembapan antara tahun 1982 hingga 1985. Keadaan itu adalah disebabkan oleh kedudukan harga minyak, yang

pengeluarannya pada tahun-tahun 1982 dan 1985 adalah menurun.

Penurunan dalam tahun 1980, 1983 dan 1984 adalah disebabkan oleh salah satu dasar penjimatan yang telah dilakukan oleh Kerajaan. Pada tahun 1981 penghasilan

Lihat muka 24

PETIKAN TITAH

“Negara kita berkehendakkan pegawai-pegawai dan kakitangan yang benar-benar berdedikasi terhadap melicinkan jentera pentadbiran untuk mencapai matlamat-matlamat Kerajaan yang diredai Allah.”

Diitahkan sempena Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Kebesaran di Lapau, Bandar Seri Begawan pada 15 Ogos, 1981.

D.Y.M.M. utus tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar

tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Hussain Mohammad Ershad, Presiden Republik Rakyat Bangladesh bersempena dengan Hari Kemerdekaan, Republik Rakyat Bangladesh yang jatuh pada 26 Mac 1987.

Persekitaran bersih wujudkan kesihatan yang sempurna



Pelita Brunei
BERSEKUTUHAN DENGAN RASMI KEJAYAAN

1 APRIL, 1987

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MUSTAHAKNYA ADUAN-ADUAN DIBUAT SECARA BERTULIS

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan Baginda ke Mukim Gadong minggu lalu telah bertitah dengan menekankan agar rakyat dan penduduk di Mukim Gadong dapat mengemukakan aduan-aduan mereka secara bertulis.

Meskipun titah itu ditujukan kepada rakyat dan penduduk di Mukim Gadong, sewajarnya setiap rakyat dan penduduk negara kita ini akan dapat mengambil iktibar serta berupaya menghayati maksud serta semangat titah tersebut dalam konteksnya yang lebih luas.

Peri mustahaknya setiap aduan atau masalah itu dibuat secara bertulis adalah semata-mata bagi kemudahan kedua-dua belah pihak iaitu pihak yang membuat pengaduan dan pihak Kerajaan. Aduan secara bertulis lebih mencerminkan citarasa yang mendalam serta tanggungjawab bersama terutama dari pihak yang membuat pengaduan dalam memupuk semangat persefahaman dan saling bertolak-ansur.

Aduan-aduan bertulis juga akan membolehkan pihak Kerajaan memahami masalah-masalah tersebut dengan lebih jelas lagi dan membolehkan pentadbiran Kerajaan meneliti sedalam-dalamnya akan setiap masalah dan kemusykilan yang diadukan itu, dan seterusnya mengarahkan supaya aduan-aduan tersebut disiasat dan diselidiki oleh pihak yang berkenaan dalam Kerajaan.

Aduan-aduan bertulis akan dapat memberi petunjuk yang penuh tanggungjawab bagi Kerajaan mengambil langkah yang difikirkan bersesuaian untuk mengatasi masalah itu dan mungkin dapat memuaskan pihak yang membuat pengaduan.

Dengan pengertian yang lebih luas, aduan-aduan secara bertulis akan dijadikan bukti di dalam membuat sebarang tindakan susulan iaitu "follow up action" kepada pihak berkenaan dalam Kerajaan bagi memastikan bahawa jentera pentadbiran Kerajaan telah pun mengambil tindakan-tindakan seperlunya dalam mengatasi masalah-masalah dan kemusykilan yang dihadapi itu.

Kerajaan memang sentiasa bersikap terbuka. Malahan, sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap kebajikan rakyat dan penduduk. Ia juga dapat membantu usaha-usaha bersama kita yang penuh berkeadilan di samping berperanan dalam mengekalkan, memelihara serta menjamin perpaduan yang sedia wujud di kalangan kita sekalian.

Perpaduan yang mewujudkan persefahaman dan suasana harmoni itu memang sudah menjadi landasan-landasan kukuh yang telah wujud sekian lama di kalangan bangsa kita, jadi tidak ada sebab yang munasabah bagi rakyat dan penduduk negara kita ini mengabaikan tanggungjawab bersama dalam membentuk sistem pentadbiran Kerajaan yang cekap, dedikasi dan amanah.

Peningkatan kerjasama dalam menikmati pentadbiran Kerajaan yang cekap, dedikasi dan amanah itu boleh kita lakukan melalui penyampaian kemusykilan-kemusykilan kita kepada jentera pentadbiran Kerajaan itu sendiri yang tentunya dapat dipertanggungjawabkan di samping bersedia dengan kesedaran yang hakiki dan murni mengemukakan masalah-masalah atau kemusykilan itu dengan secara bertulis.

Cara begini lebih bersifat tertib dan hormat sesuai dengan tradisi bangsa kita yang mengutamakan nilai-nilai susila yang luhur lagi terpuji. Dan kita berkeyakinan, mulai dari sekarang setiap rakyat dan penduduk akan mengamalkan sikap membuat aduan-aduan secara bertulis berasaskan kepada keinginan bersama kita yang mengutamakan kepentingan bangsa dan negara.

Bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan sosial di negara ini:

ADALAH PENTING BAGI PENDUDUK SENTIASA BERSATU-PADU

Bismillahir Rahmanir
Rahim

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, Asegala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, seru sekalian alam, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat Baginda, sahabat-sahabat dan para pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan izin-Nya jua, Beta dapat bersemuka dan berkenalan mesra dengan rakyat Beta yang dikasihi di mukim ini. Dengan cara ini, Beta dapat melihat secara lebih dekat segala perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai dan seterusnya untuk mendengarkan sendiri apa jua masalah dan kemusykilan yang dihadapi oleh penduduk di mukim ini melalui Penghulu Mukim.

Adalah Beta hasratkan di dalam lawatan ini, Beta akan menerima aduan-aduan yang dibuat secara bertulis daripada rakyat dan penduduk di mukim ini. Dengan cara demikian, maka Beta akan dapat memahami masalah-masalah tersebut dengan lebih jelas lagi dan membolehkan Beta meneliti sedalam-dalamnya akan setiap masalah dan kemusykilan yang diadukan itu, dan seterusnya mengarahkan supaya aduan-aduan tersebut disiasat dan diselidiki oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam Kerajaan Beta. Aduan-aduan secara bertulis itu nanti juga akan dijadikan sebagai bukti di dalam membuat tindakan susulan, yakni, "follow up action" kepada pihak-pihak yang berkenaan di dalam Kerajaan Beta bagi memastikan bahawa jentera



TITAH penuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat melawat Mukim Gadong pada hari Selasa 24 Mac 1987.

pentadbiran Kerajaan Beta telah pun mengambil tindakan-tindakan seperlunya di dalam menyelesaikan masalah-masalah dan kemusykilan yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk di negara ini.

Di dalam lawatan-lawatan Beta ke mukim-mukim lain, Beta telah pun menegaskan beberapa perkara penting mengenai dengan terdapatnya masalah-masalah sosial di negara ini, seperti penyalahgunaan dadah,

pencemaran dan pengotoran alam sekitar dan tabiat merosak harta-benda awam. Di dalam lawatan hari ini, Beta tidaklah akan berpanjangan lebar mengenai dengan perkara-perkara yang Beta sebutkan tadi, tetapi hanyalah mengingatkan Penghulu Mukim, Ketua-Ketua Kampung, ibu bapa dan penduduk mukim ini khususnya, supaya akan memberikan perhatian dan bekerjasama untuk membentersa gejala-gejala tersebut. Hendaknyalah ibu bapa akan sentiasa mengawasi setiap langkah anak-anak mereka. Di samping itu, semangat cintakan kebersihan mestilah dipupuk dan diamalkan di kalangan penduduk mukim. Ini dapat dilaksanakan dengan mengusahakan kerja memucang-mucang yang dikepalai oleh Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung.

Bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan sosial di negara ini, adalah penting bagi penduduk di mukim ini, akan sentiasa bersatu-padu untuk mewujudkan persefahaman dan suasana harmoni dengan

menurut landasan yang sedia ada di kalangan orang-orang Brunei. Tujuan yang sama, ingin mengingatkan Penghulu Penghulu Mukim, supaya mengawasi dan waspada terhadap kedatangan pendatang haram tinggal di mukim mereka. Sekiranya diketahui akan kedatangan pendatang haram di mukim mereka, hendaklah Penghulu-Penghulu melaporkan kepada pihak-pihak yang berkenaan dengan seberapa segera.

Akhirnya, Beta mengambil kesempatan untuk mengingatkan penduduk mukim dan rakyat pada umumnya supaya akan mengawasi dan waspada terhadap kedatangan pendatang haram di mukim mereka, hendaklah Penghulu-Penghulu melaporkan kepada pihak-pihak yang berkenaan dengan seberapa segera.

BETA ingin mengingatkan kepada Penghulu-Penghulu Mukim, supaya sentiasa mengawasi dan berwaspada terhadap kedatangan pendatang-pendatang haram yang tinggal di mukim-mukim mereka. Sekiranya diketahui akan kehadiran pendatang-pendatang haram di mukim-mukim mereka, hendaknyalah Penghulu-Penghulu akan melaporkannya kepada pihak-pihak berwajib dengan seberapa segera.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika menerima menghadap Puan Diana Roner Younger isteri Yang Berhormat Ahli Parlimen Setiausaha Negara bagi Pertahanan, United Kingdom di Istana Nurul Iman dan Istana Nurul Izzah. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO dan Pg. Bahar PHO.

Bermesra dengan sistem metrik...

UK TAN KE METRIK TONNES

Dalam sistem metrik, barang-barang berat yang biasanya di import dari luar negeri dengan menggunakan timbangan tan misalnya berat akan ditukar kepada timbangan metrik ton atau pun dengan simbol huruf t.

Jadi, dalam sistem metrik, kita akan berdasarkan kepada:—

1 UK tan = 2,240 lb
1 lb = 0.452 kg
1 tonne = 1000 kg
1 UK tan = 1.01605 t

tan	metrik tonne (t)
1	1.0160
2	2.0321
3	3.0481
4	4.0642
5	5.0802
6	6.0963
7	7.1123
8	8.1284
9	9.1444
10	10.1605
20	20.3209
30	30.4814
40	40.6419
50	50.8023
100	101.6047
Metrik tonne (t)	tan
1	0.9842
2	1.9684
3	2.9526
4	3.9368
5	4.9210
6	5.9052
7	6.8894
8	7.8737
9	8.8579
10	9.8421
20	19.6841
30	29.5262
40	39.3683
50	49.2103
100	98.4207

Keterangan:

Untuk kemudahan merujuk dengan segera kita bolehlah memakai satu atau dua angka desimal sahaja.

Misalnya:—


- 1 tan = 1.0160 t (metrik ton).
Boleh dibuat 1 tan = 1.02 t.
- 2 tan = 2.0321 t
Bolehlah dibuat 2 tan = 2.03 t
- 10 tan = 10.1605 t
Bolehlah dibuat 10 tan = 10.2 t
- 15 tan = 15.2407 t
Bolehlah dibuat 15 tan = 15.2 t

Wakil Pos ditiadakan

DENGAN ini dimaklumkan untuk pengetahuan ramai bahawa Wakil Pos yang beralamatkan Kampong Sungai Liang, Kuala Belait telah ditiadakan mulai dari 16 Mac, 1987.

Perkhidmatan perkhidmatan pos bagi kawasan tersebut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pos Kecil Sungai Liang yang mana telah pun dibuka bagi orang ramai pada 16 Mac, lalu.

Setiausaha Negara Pertahanan UK adakan lawatan



YANG Berhormat George Younger dan pegawai-pegawai kanan beliau ketika mengadakan perbincangan dengan Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub PHH.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria menerima kunjungan Yang Berhormat George Younger, Ahli Parlimen yang juga Setiausaha Negara Bagi Pertahanan United Kingdom. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub PHH.

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan menerima menghadap Puan Diana Roner Younger isteri Yang Berhormat Ahli Parlimen Setiausaha Negara bagi Pertahanan (United Kingdom) di Istana Nurul Iman di sini pada 25 Mac lepas.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga telah berkenan menerima menghadap Puan Diana Roner Younger di hari yang sama di Istana Nurul Izzah, Jerudong.

Di kedua-dua istiadat menghadap itu, Puan Diana telah diiringi oleh Datin Seri Utama Hajjah Rosnah binti Abdullah, isteri Timbalan Menteri Pertahanan Pengiran Datin Hajjah Zubaidah dan isteri Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini, Puan Westbrook.

Dalam rangka lawatan tiga hari itu, Yang Berhormat yang diiringi oleh isteri beliau dan lapan orang pegawai telah mengadakan perbincangan dengan Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan sejurus setelah selesai istiadat menghadap.

Selain itu Yang Berhormat juga telah melakukan kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Awang Haji Sulaiman di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada petang 26 Mac.

Di sebelah paginya Yang Berhormat dan rombongan melakukan lawatan ke Markas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Berakas Garrison. Ketibaan Yang Berhormat disambut dengan kawalan kehormatan 30 anggota ABDB di bawah perintah Leftenan Ramli bin Harris.

Yang Berhormat dan rombongan kemudian beredar bagi mendengar taklimat oleh Mejar Jumat bin Zakaria mengenai ABDB dan organisasinya. Sebelum itu,

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-374

Dalil-dalil mencela nyanyian:

SABDA Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang artinya: Demi akan ada pada umat saya, kumpulan-kumpulan orang menghalalkan atau berkata atau beriktikad zina itu halal, dan sutera itu halal, dan arak itu halal dan alat bunyi-bunyian itu halal.

Hadis ini ditaklikkan oleh Al-Imam Al-Bukhari, tetapi telah diwasalkan oleh Al-Imam Imam Al-Isma'ili, Ahmad bin Hanbal, Ibnu Majah, Abu Nu'aim, Abu Daud, dengan beberapa sanad yang sahih betul, tiada dapat dicatatkannya, dan hadis ini telah ditashihkan oleh suatu kumpulan hadis yang besar-besar, sebagaimana kata ulama-ulama hadis, dan hadis ini telah sah dari beberapa jalan (turuq) sebagaimana kata Al-Imam Ibnu Hajar dalam kitabnya Kaffur ra'aa'ei'an muharramaatil lahi wassamaa'.

Kata Al-Imam Ibnu Hajar: Bahawa Al-'Allamah Ibnu Hazm penganjur Mazhab Adz-Dzaahiriyyah telah salah sangka mengatakan hadis ini tiada sah.

(Al-Imam Al-Hafid Al-'Iraqi telah menolak salah sangka Al-'Allamah Ibnu Hazm pada hadis ini, bagaimana tersebut dalam Al-Fiyatul 'Iraqi pada Mustalah 'Ulumul Hadis).

(Orang yang menghalalkan perkara yang thabit dalam Islam akan haramnya, adalah ia menjadi kafir kerana ia telah mendustakan larangan Allah dan Rasul-Nya dan ingkar akannya sebagaimana kata ulama Islam).

Daripada Sayidina Ali Radhiallahu Anhu berkata: Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang artinya: "Apabila umat saya membuat 15 perkara nescaya bala akan menimpa ke atas mereka: Apabila harta tawanan perang itu digunakan dan diambil dengan sewenang-wenangnya dan amanah itu menjadi tawanan kepada yang memegang sesuatu amanah itu, dan dibuat sesuka hatinya, dan zakat itu macam jadi suatu denda ke atas yang mengeluarkan zakat itu, suami taatkan isteri, anak derhaka kepada ibunya, anak buai baik kepada hawannya dan ia berpaling serta renggang dan liar daripada bapanya, dan suara orang-orang terangkat riuh-rendah dalam masjid-masjid, ketua kaum itu dimuliahkan seseorang kerana takutkan kejahatannya, dan diminum arak terang-terang, di pakai pakaian sutera, diambil dan digunakan penyanyi-penyanyi dan artis-artis perempuan dan alat-alat bunyi-bunyian, dan orang-orang sekarang melahat dan mengutuk orang-orang yang ada pada awal-awal Islam daripada sahabat, tabien dan As-Salafus Salih, maka pada ketika berlaku perkara-perkara itu, hendaklah mereka tunggu akan angin taufan atau sedutan bumi atau ditukar menjadi kera dan babi."

NYANYIAN

Daripada Sahabat Ibnu Masud Radhiallahu Anhu bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda artinya: "Nyanyian itu menghidupkan nifak di dalam hati, sebagaimana air menghidupkan sayur-sayuran." Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Baihaqi, Ibnu Abi Ad-Dunyaa, seperti itu juga diriwayatkan oleh Abu Daud dan diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Baihaqi dengan Mauqafan, dan diriwayatkan daripada Sahabat Abu Hurairah juga oleh Al-Imam Ibnu 'Adi.

Daripada Sahabat Ibnu Umar Radhiallahu Anhuma bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menegah dari menyanyi dan dari mendengar nyanyian dan menegah dari mengumpat dan dari mendengar umpat, dan menegah dari mengancum dan dari mendengar ancum. Athar ini diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani dan Al-Khatzabi.

Daripada Sahabat Ibnu Masud Radhiallahu Anhu telah ditanya oleh orang akan erti ayat Quran yang tafsirannya: Setengah daripada orang-orang ada yang membeli cerita-cerita kosong.

Jawabnya: (Ertinya (nyanyian), demi Allah tiadalah Tuhan disembah melainkan dia Allah tiada yang lain (tunjanya orang-orang Quraisy yang tiada suka mendengar Quran dibacakan kepada mereka, maka mereka mencari lagu-lagu dan nyanyian-nyanyian ganti bacaan Quran itu sebagai melawan seruan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada mereka, dan mencegah orang-orang dari mendengar Quran itu).

Athar ini diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Syaibah dengan asnad yang sahih dan dikeluarkan (diriwayatkan) oleh Al-Imam Al-Hakim, dan ditashihkan oleh Al-Imam Al-Baihaqi dan lain-lain ulama hadis.

Telah dikeluarkan (diriwayatkan) oleh Al-Imam Ad-Dailami bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang artinya: "Nyanyian dan hiburan itu menumbuhkan perangai nifak di dalam hati, sebagaimana air menumbuhkan rumput demi diri saya di dalam kuasa-Nya, bahawa Al-Quran dan zikir itu, menumbuhkan iman dalam hati, sebagaimana air menumbuhkan rumput."

Daripada Sahabat Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang diriwayatkan oleh Al-Imam Musaddad dan Ibnu

Bahagian Pertama

Hibban yang artinya: "Ditukarkan suatu kaum daripada umat saya pada akhir zaman, menjadi kera dan babi. Sahabat-sahabat bertanya: "Ya Rasulullah, adakah orang-orang Islam?" Sabda Baginda: "Ya, mereka mengucap dua kalimah syahadat Ashhaduallahu bihaqqi dan Waashhaduannan Muhammadar-rasulullah, dan menggunakan alat-alat permainan dan perempuan penyanyi dan artis-artis, dan gendang-gendang dan mereka minum berbagai-bagai rupa arak dan berlarut malam dengan minuman arak dan haba permaman dan pagi-pagi hari tiba-tiba mereka jadi kera dan babi."

Daripada sahabat Anas dan Sayidatina Aishah Radhiallahu Anhuma daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang artinya: "Dua suara yang dilakuk di dunia dan di akhirat ialah suara alat nyanyian dalam nyanyian suara dalam kemalangan dan dukacita." Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Imam Al-Bazzar dan Ibnu Ma-dawaih dan Al-Baihaqi.

Ini setengah-setengah hadis yang menyatakan bahwa perkara nyanyian dan alat-alat nyanyian, dan menegah duanya dan menegah dari menyanyi dan menggunakan alat nyanyian.

Dipetik dari kitab Kaffur Ra'aa'ei'an muharramaatil lahi wassamaa' karangan Al-Imam Ibnu Hajar yang meninggal dunia tahun 973 Hijrah, pakar Ulama Shafieyyah dan diiktimadkan oleh ulama Shafieyyah akan pendapat-pendapatnya pada masa yang akhir akhir. Kitab ini adalah di tepi kitab Az-Zawajir oleh Al-Imam Ibnu Hajar dicetak oleh Al-Halabi Mu'ar.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Seri Utama Awang Haji Omar Abd. Aziz, Muhi Karam.

Peniaga tempatan hadir perjumpaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih 100 orang peniaga-peniaga tempatan menghadiri satu perjumpaan dengan 12 orang pengusaha, pembekal dan pengilang dari negara jiran Indonesia, Malaysia dan Singapura di Dewan Sekolah Rendah Puser Ulak di sini Sabtu lepas.

Perjumpaan itu telah di-pengerusikan oleh Pengurus Am Syarikat Perbekalan Kerjasama, Awang Haji Mustafa Haji Abdul Rahman, dengan tujuan untuk

mengenalkan barang-barang pasaran ke negara kita.

Berbagai-bagai jenis barang juga telah dipamerkan di majlis itu antaranya permaidani, kosmetik, barang-barang makanan, pakaian, kerusi dan sebagainya.

Majlis itu dianjurkan oleh Pusat Perbekalan Kerjasama dalam usahanya memberikan kemudahan kepada peniaga-peniaga tempatan untuk mengenal lebih dekat lagi mengenai barang-barang dalam pasaran.



SEBAHAGIAN daripada para peniaga hadir di majlis perjumpaan di Dewan Sekolah Rendah Puser Ulak di sini Sabtu lepas. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar.

Penyampaian Sijil Darjah VI Sekolah Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — 90 pelajar lulusan Darjah VI tahun 1985 Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampong Lurong Dalam menerima sijil-sijil mereka pada pagi 30 Mac lepas di sekolah berkenaan.

Penyampaian sijil-sijil itu dilakukan oleh Nazir Sekolah-Sekolah Ugama Kawasan Brunei I, Ustaz Abdul Razak bin Haji Tahir selaku tetamu kehormat.

Menurut salah seorang ahli jawatankuasa majlis penyampaian sijil itu, ia diselenggarakan dengan sambutan Isra Mikraj Sebuah syarahan khas mengenai peristiwa Israk dan Mikraj telah disampaikan oleh Ustaz Haji Daud bin Haji Junid, Penceramah dari Pusat Dakwah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Majlis itu diserikan juga dengan persembahan nasyid oleh murid-murid bahagian pagi.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong dari hari Rabu 1 April, 1987 hingga ke hari Selasa 7 April, 1987 adalah seperti di bawah ini: —

HARI	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
April												
1	12.27	3.25	3.26	6.28	6.29	7.38	7.39	5.10	4.45	5.11	6.19	6.20
2	12.26	3.24	3.25	6.28	6.29	7.38	7.39	5.09	4.55	5.10	6.18	6.19
3	12.26	3.24	3.25	6.28	6.29	7.38	7.39	5.09	4.55	5.10	6.18	6.19
4	12.26	3.25	3.26	6.28	6.29	7.37	7.38	5.08	4.54	5.09	6.18	6.19
5	12.25	3.25	3.26	6.28	6.29	7.37	7.38	5.08	4.54	5.09	6.17	6.18
6	12.25	3.26	3.27	6.28	6.29	7.37	7.38	5.07	4.54	5.08	6.17	6.18
7	12.25	3.26	3.27	6.28	6.29	7.37	7.38	5.07	4.54	5.08	6.16	6.17

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

MARILAH kita tingkatkan takwa kita kepada Allah Taala dengan taat menjunjung titah perintah-Nya dan berusaha menjauhi segala larangan-Nya.

Sekarang kita masih berada dalam bulan Rejab, di mana bulan yang mulia inilah berlaku satu peristiwa yang paling aneh dan ganjil dalam sejarah hidup umat manusia di alam yang fana ini.

Sebenarnya peristiwa Israk dan Mikraj adalah merupakan suatu dokongan yang besar terhadap keimanan pengikut-pengikut Nabi besar Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ketika itu dan juga sekarang ini. Tetapi bagi umat Islam kejadian Israk dan Mikraj itu adalah sebagai suatu mukjizat keistimewaan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang luar biasa yang wajib dipercayai. Peristiwa itu mengandungi hikmah yang banyak di antaranya: Bagi pengikut-pengikut Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam waktu itu merupakan tapisan atau batu ujian bagi menguji iman mereka bagi menentuhkan mereka meragukan tentang kebenaran Muhammad dan bertopeng dengan kata-kata akuan sebagai orang beriman sedang mereka masih di dalam keraguan. Maka dengan peristiwa besar itu jelaslah siapa yang beriman tulen dan siapa yang mengajuk-ajuk atau berpura-pura. Bagi orang-orang kafir pula semakin nyata bahwa kepura-puraan mereka sekalipun tanda-tanda kebenaran peristiwa itu telah ditunjukkan.

SANGGUP DIUJI

Kejadian yang luar biasa yang merupakan mukjizat itu, bukannya satu dongengan yang menjadi cerita penglipurlara, tetapi adalah butir kepercayaan agama yang berakar di atas bakti yang kukuh. Dan bakti yang kukuh itu sanggup diuji dengan apa cara sekalipun. Israk dan Mikraj adalah peristiwa untuk menguji keteguhan iman, terutama ianya berlaku 14 abad yang silam, di mana perkembangan ilmu sains dan teknologi belum dikenali oleh umat manusia, pada zaman itu belum terdapat suatu alat kenderaan moden, belum ada motor, belum ada kapal terbang dan belum ada roket yang boleh terbang meneroka ruang angkasa lepas.

Jadi apabila penduduk-penduduk Kota Mekah yang pada masa itu sebilangan besar daripadanya terdiri daripada orang-orang musyrikin yang menentang Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan beberapa orang Islam yang baru sahaja menganut Islam mendengar kisah yang diceritakan oleh Baginda tentang hal perjalanan Baginda ke Baitul Mukaddis, bersembunyi dalam Masjid Al-Aqsa yang terletak di bumi Palestin yang beratus-ratus batu jauhnya dari Kota Mekah, kemudian Baginda dibawa naik Mikraj ke Sidratul Muntaha dan berlepas pulang ke Mekatul Mukarramah pada malam itu juga. Maka tentulah kisah yang begitu aneh dan ganjil itu dijadikan satu modal atau bahan orang-orang musyrikin dan munafikin mengejek Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan lantas me-

Kejadian luar biasa uji keimanan kita: Israk Mikraj bukan cerita penglipurlara



oleh Allah Subhanahu Wataala kepada kekasih-Nya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

MAKAN DAGING BUSUK

Di samping peristiwa dan kejadian yang luar biasa dan menyalahi adat itu diselitkan pula berbagai-bagai peristiwa yang lain yang tidak kurang keganjalannya tetapi penuh dengan tamsil ibarat. Semuanya itu untuk manusia yang mahu berfikir, misalnya peristiwa berenang di dalam laut darah dan dilontar dengan batu, memakan daging busuk serta meninggalkan daging bersih yang dimasak. Makan daging busuk itu bukan sahaja kiasan bagi orang yang melakukan perbuatan yang dilarang dan dikutuk, tetapi mempunyai penafsiran yang lebih jauh dari itu. Daging busuk mempunyai kuman-kuman yang sangat berbahaya. Dari segi ilmu kesihatan dilarang memakannya, menurut penerangan Malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bahwa memakan daging busuk bandingan orang yang berzina, mencari perempuan lain yang haram dan meninggalkan isterinya yang halal dan bersih. Perbandingan ini sangat jelas dan tepat sekali. Menghampiri perempuan-perempuan lacur, membuat perhubungan dengan perempuan-perempuan jahat bererti menempah bahaya yang terdedah, kerana ianya boleh mendatangkan beberapa penyakit dan akibat yang amat buruk sekali akan menimpa, bukan sahaja pada diri sendiri tetapi juga akan membawa bahaya kepada keturunan. Apakah ini bukan satu bandingan yang bermakna? Begitu juga halnya kalau kita mengkaji cerita dan perbandingan orang yang berbuat baik, orang mati syahid yang rela mati mempertahankan imannya diperlihatkan dengan menanam pokok, berbuah dan memetik di waktu itu juga. Perempuan tukang andam anak Firaun yang bernama Masyitah kuburnya tersangat harum. Keharuman itu bukan kerana disimbah dengan air wangi atau diba setangi, tetapi harum Masyitah dan keluarganya bererti keharuman nama kerana mempertahankan kebenaran agama Allah dan imannya. Inilah beberapa perbandingan Israk dan Mikraj yang berlaku pada 27 Rejab yang harus kita mengkaji dan meneliti, serta mengulangkaji atasnya sekurang-kurangnya sekali di dalam setahun moga-moga menambahkan kukuh iman kita sekalian.

Dengan berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj itu bermulalah satu babak baru

Lihat muka 7

Membuat aduan palsu bahayanya amat berat

TERSEBUT dalam hikayat lama, bahawa seorang lelaki telah ditawarkan seorang hamba untuk dibeli. Si penjual yang menawarkannya itu memberitahu yang hamba itu tidak mempunyai apa-apa kekurangan kecuali ia berperangai suka memandai-mandai dengan mengada-adakan percakapan dan perbuatan orang. Lelaki itu tidak menghiraukan perangai buruk tersebut lalu membelinya.

Kemudian belum lama hamba itu tinggal bersamanya; pada suatu hari ia memberitahu isteri tuannya iaitu isteri orang yang membelinya bahawa suaminya itu tidak lagi mengasihinya dan bercadang akan berkahwin lagi dan memadukannya. Seterusnya ia mengajarkan isteri tuannya itu kononnya kalau isteri tuannya itu suka supaya suaminya tetap sayang dan menaruh kasih kepada isterinya serta membatalkan rancangannya hendak berkahwin itu, maka ia hendaklah mencukur sedikit janggut suaminya dengan pisau waktu ia sedang tidur.

Isteri tuannya itu percaya akan khabar tersebut dan bersetuju akan melakukan seperti yang ditunjukkan oleh hambanya itu. Kemudian hamba tersebut memberitahu pula kepada suami perempuan itu dengan mengatakan yang isterinya ada mempunyai kekasih lain dan bercadang akan lepas bebas daripadanya, kerana itu isterinya merancang akan membunuhnya pada malam itu juga. Hambanya itu memberitahu lagi bahawa kalau tuannya itu tidak percaya, cubalah ia berpura-pura tidur dan perhatikan bagaimana nanti isterinya itu akan membawa pisau cukur yang akan digunakan untuk menyembelinya. Mendengar percakapan hambanya itu, lelaki tersebut percaya. Apabila malam tiba ia berpura-pura tidur. Tidak lama kemudian didapati isterinya datang dengan sebilah pisau cukur. Apabila isterinya itu meletakkan pisau itu ke bawah dagunya untuk mencukur sedikit janggutnya, dia semakin percaya akan cakap-cakap hambanya bahawa isterinya itu benar-benar akan menyembelinya, lalu ia segera merampas pisau dari tangan isterinya itu dan dengan serta-merta dengan pisau itu juga lelaki tersebut menyembelih isterinya

Menuju Keredaan Allah

hingga mati. Kemudian kaum keluarga isterinya itu datang menuntut bela lalu membunuhnya. Maka terjadilah bunuh-membunuh di antara kaum keluarga suami isteri yang malang itu, hanya disebabkan oleh perangai jahat hamba mereka yang suka memandai-mandai membuat aduan dan memfitnah antara satu sama lain.

Demikian dipaparkan suatu hikayat lama untuk dijadikan teladan. Dari apa yang diceritakan jelas kepada kita bahawa perangai suka memandai-mandai dan membuat aduan palsu adalah sama sifatnya dengan menghasut dan membuat fitnah. Bahayanya amat berat. Ia bukan saja boleh terjadi dalam suasana hidup berumah tangga, malah harus terjadi dalam semua perkara dan dalam apa jua suasana termasuklah di antara seorang sahabat dengan seorang sahabat, antara seorang bawahan dengan ketuanya dan sebagainya. Sebab itulah Allah Subhanahu Wataala menegah kita daripada mendengar cakap-cakap dari orang yang berperangai buruk yang disifatkan sebagai fasik yang zahirnya bersungguh-sungguh ikhlas sehingga sanggup bersumpah bagi menguatkan cakupannya.

Oleh yang demikian berhenti-hatilah apabila menerima perkhbaran daripada orang yang fasik. Telitilah terlebih dahulu dengan baik perkhbaran itu kerana ditakuti kalau diterima bulat-bulat ia akan membencakan orang yang tidak berdosa dan tidak bersalah.

Allah Subhanahu Wataala berfirman di dalam Surah Al-Qalam ayat 10 dan 11, kira-kira bermaksud: "Dan janganlah engkau (berkisar dari pendirianmu yang benar, dan jangan) menurut kemahuan orang yang selalu bersumpah, lagi yang hina (pendapatnya dan amalannya), yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah-belahkan orang ramai)."

SAYA dengan amat sukacita mengirinkan perutusan ini bersempena dengan Hari Kesihatan Sedunia yang mana akan bersama kita raikan di klinik-klinik utama kesihatan ibu-ibu dan anak-anak damit di seluruh negara. Tema pada tahun ini adalah - 'Suntikan - Satu Peluang Keemasan Bagi Setiap Kanak-kanak.'

Berjuta-juta kanak-kanak sedang menghadapi maut di negara-negara sedang membangun kerana menghadapi penyakit-penyakit yang mana boleh dicegah dengan penggunaan vaksin-vaksin yang mana disebabkan kekurangan peruntukan kewangan tidak dapat dibekalkan oleh kerajaan negara-negara yang berkenaan. Dari itu Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation) telah menginisiatif untuk menyediakan peruntukan kewangan dan alat-alat yang diperlukan dalam melaksanakan satu rancangan suntikan besar-besaran pada tahun 1974, demi untuk melindungi kanak-kanak damit dari dijangkiti daripada enam jenis penyakit kanak-kanak, iaitu penyakit campak (measles), batuk kokol (whooping cough), kancing gigi (tetanus), kerongkong (diphtheria), lumpuh (poliomyelitis) dan batuk kering (tuberculosis) yang mana penyakit-penyakit ini selalu

membawa maut kepada kanak-kanak.

Didorong oleh betapa kurangnya kanak-kanak yang mengidap penyakit-penyakit tersebut iaitu berikutan dengan rancangan suntikan besar-besaran, Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah menetapkan supaya tahun 1990 sebagai tarikh tercapainya pelarian universal bagi kanak-kanak di merata dunia supaya dilindungi dari penyakit-penyakit yang berkenaan.

Dengan hanya tiga tahun lagi untuk mencapai matlamat ini, banyak lagi perkara yang perlu diusahakan. Di kebanyakan negara, strategi-strategi yang baru adalah dicuba untuk mempercepatkan lagi rancangan suntikan yang sedang berjalan. Kita di negara Brunei Darussalam adalah beruntung kerana perlindungan suntikan kebangsaan bagi keenam-enam penyakit iaitu campak, batuk kokol, kancing gigi, kerongkong, lumpuh dan batuk kering adalah tinggi dan kita telah pun mencapai matlamat bagi empat daripada enam penyakit yang berkenaan. Usaha-usaha kita sekarang dipertingkatkan lagi untuk menghapuskan penyakit campak dan batuk kering. Kempen suntikan mencegah penyakit campak yang dipertingkatkan usahanya telah

SUNTIKAN BESAR-BESARAN UNTUK CEGAH PENYAKIT KANAK-KANAK

menghasilkan dalam pengurangan penyakit campak terutama sekali bagi kanak-kanak yang berumur di bawah lima tahun. Kempen kebangsaan bagi pengesanan dan rawatan awal penyakit batuk kering sudah berjalan sejak beberapa tahun dengan mencapai kejayaan yang cemerlang. Pembawaan semula penyakit batuk kering oleh pekerja-pekerja asing adalah diawasi dengan ketat.

Rancangan-rancangan suntikan di Brunei Darussalam adalah termasuk dalam perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak dan oleh kerana penerimaan ran-

cangan oleh masyarakat baik dan meluas, tahap perlindungan suntikan bagi penyakit kerongkong, batuk kokol, kancing gigi dan lumpuh bagi tiga kali suntikan adalah lebih dari 90%, bagi BCG kira-kira 95% dan bagi campak kira-kira 85%.

Suntikan adalah cara yang paling berkesan dari segi perbelanjaan untuk mengurangkan kematian dan kejadian penyakit kanak-kanak dan disebabkan oleh perlindungan suntikan kita yang tinggi kematian kanak-kanak adalah hanya 12/1000 kelahiran dibandingkan dengan sebahagian dari negara-negara lain di mana kematian kanak-kanak adalah



PERUTUSAN penuh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin sempena Hari Kesihatan Sedunia.

di antara 50-75/1000 kelahiran.

Matlamat kita sekarang adalah untuk menyuntik 100% kanak-kanak yang dilahirkan di Negara Brunei Darussalam pada setiap tahun bagi keenam-enam penyakit yang berkenaan. Suntikan suntikan biasa bagi mencegah penyakit Hepatitis 'B' juga akan dimasukkan di bawah rancangan suntikan negara.

Kita hanya mempunyai tiga tahun untuk mencapai matlamat ini dan kita yakin yang perkara ini boleh dicapai. Kita memerlukan sokongan dan penglibatan ibu bapa untuk menggenapkan usaha-usaha pekerja-pekerja kesihatan. Kesedaran dan

perhatian masyarakat mestilah ditingkatkan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah mengutamakan kegiatan suntikan dengan cara menjadikan suntikan sebagai peluang keemasan bagi setiap kanak-kanak sebagai tema Hari Kesihatan Sedunia tahun ini.

Peningkatan berterusan bagi rancangan suntikan besar-besaran adalah boleh diusahakan disebabkan sokongan penuh dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dengan adanya nasihat dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Belia perlu ambil iktibar peristiwa Israk dan Mikraj

BERAKAS. - Awang Aliakbar bin Abu Bakar, Pegawai Pentadbir Kanan, Bahagian Sukatan dan Timbangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menekankan agar belia-belia di Kampong Lambak mengambil iktibar daripada peristiwa Israk dan Mikraj.

Katanya, segala pengajaran-pengajaran yang terdapat dalam peristiwa itu mestilah kita jadikan pengajaran bersama kerana, menurut beliau, ianya akan dapat melahirkan seorang yang beriman kepada Allah dan patuh kepada suruhan-Nya.

Di samping itu, Awang Aliakbar juga menyeru belia-belia PERBEKAL agar menghindarkan diri daripada gejala-gejala sosial yang tidak diingini.

Penyakit-penyakit sosial jelasnya, di negara kita ini jika tidak dimata-matai terus menerus oleh semua golongan, pasti akan menjadi beban bagi negara dan masyarakat kita. Kerana ianya boleh menghancurkan belia-belia dan seterusnya melemahkan semangat mereka untuk tampil ke hadapan sebagai bakal pemimpin di hari muka.

Awang Aliakbar berkata demikian di Majlis Sambutan Israk dan Mikraj serta Mesyuarat Agung kali ke-2 Persatuan Belia Kampong Lambak (PERBEKAL) bertempat di Sekolah Ugama Jalan Bedil kampung tersebut pada 28 Mac, lepas.

Di dalam majlis tersebut, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Yang

Dipertua dan Pengerusi PERBEKAL, Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd. Wahab.

Menurutnya, Persatuan Belia Kampong Lambak telah didaftarkan penubuhannya dalam bulan Julai 1985 dan hingga kini telah mempunyai ahli seramai 125 orang belia dan beliawanis.

Persatuan ini telah berjaya mengunjurkan berbagai-bagai kegiatan terutamanya kegiatan yang bercorak keugamaan di samping kegiatan-kegiatan yang lain.

Majlis itu juga telah mengundang Ustaz Awang Haji Hamzah bin Mamat dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan bagi menyampaikan syarahan khas yang berkisar dengan peristiwa Israk dan Mikraj.



TETAMU kehormat Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan dan pegawai kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di majlis sambutan Israk dan Mikraj di Madrasah Berakas Garison. - Gambar oleh Harun Rashid.

Sambutan Israk dan Mikraj

MASIN. - Umat Islam di negara ini telah mengadakan sambutan memperingati peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan sembahyang berjemaah dan ceramah-ceramah khas mengenai peristiwa tersebut di masjid-masjid dan surau-surau seluruh negara pada petang 27 Mac lepas.

Acara kemuncak tahun ini diadakan di Masjid Kampong Masin yang dimulakan dengan sembahyang fardu Isyak berjemaah dan diikuti dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Rosli bin Haji Bolhaji.

Manakala ceramah khas mengenai peristiwa Israk dan Mikraj itu telah disampaikan oleh tetamu kehormat di majlis itu, Yang Dimuliakan Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakar, Kadi Besar Brunei.

Adalah dijangkakan sambutan-sambutan untuk memperingati peristiwa tersebut akan terus diadakan oleh berbagai persatuan dan badan-badan kebajikan serta jabatan-jabatan kerajaan.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengadakan sambutan Israk dan Mikraj bertempat di Madrasah Berakas Garison pada petang Sabtu, 27 Mac lepas, yang dihadiri oleh 500 anggota ABDB seluruh negara.

Sambutan bertemakan 'Ta'atilah Allah dan Rasul-Nya serta Pemerintah Kamu' dimulakan dengan sembahyang Maghrib berjemaah diikuti dengan bacaan Al-Quran oleh PW2 Awang Haji Abd Rahman bin Haji Mohd Salleh dan ucapan alu-aluan oleh Mejar Zainal bin Haji Harun, Pengerusi sambutan.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, Setiausaha

Tetap Kementerian Pertahanan.

Acara kemuncak ialah penyusunan khas oleh Ustaz Ismail bin Sulaiman dari Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diikuti dengan sembahyang Isyak berjemaah.

Sementara itu Badan Kajian Ugama Islam Jabatan Audit mengadakan sambutan yang sama di Dewan Sosial IQRA, Kampong Menggatal Satu.

Tetamu khas di majlis tersebut ialah Pengerusi Timbalan Jurusudut Awang Mohd. Ali bin Haji Daud bin Juned yang berucap kepada kerebihan dan pujian daripada peristiwa Israk dan Mikraj.

Majlis itu telah ditutup dengan persembahan dari kumpulan Nasyid Zikir Persatuan KEMUS.



TETAMU kehormat Awang Aliakbar dan Yang Dipertua PERBEKAL Awang Haji Sulaiman (2 dan 3 dari kiri) serta ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir persatuan tersebut ketika menghadiri Mesyuarat Agungnya kali ke-2 dan sambutan Israk dan Mikraj. - Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

BERAKAS. — Kedutaan Pakistan di negara ini telah mengadakan satu majlis jamuan bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan ke-41 negara tersebut pada malam 29 Mac lepas di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Tuan Yang Terutama, Tuan Mir Abad Hussain, Duta Besar Pakistan ke negara ini dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan bahawa hubungan antara kedua buah negara Islam iaitu Pakistan dan Negara Brunei Darussalam kini semakin bertambah kukuh.

Katanya, hubungan antara Pakistan dan Negara Brunei Darussalam kini semakin erat dan selanjutnya menyempatkan perutusan muhibah, persaudaraan dan persahabatan dari Kerajaan dan rakyat Pakistan kepada Kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Hadir bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain.

Hubungan Brunei Darussalam — Pakistan semakin bertambah kukuh



MENTERI Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain bersalaman dengan Tuan Yang Terutama, Tuan Mir Abad Hussain di majlis jamuan sempena dengan Hari Kebangsaan Pakistan. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Pengangkutan Kargo LNG ke-2,000 ke Jepun dilancarkan

LUMUT. — Projek LNG Brunei — Jepun mencapai satu peringkat terpenting apabila pelancaran pengangkutan kargo LNG ke-2,000 dibuat pada hari Sabtu, 28 Mac, lalu di sini.

Pengangkutan kargo ke-2,000 ke Jepun itu dikenalal oleh Bekulan salah sebuah dari tujuh buah kapal pengangkutan LNG.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Coldgas Sendirian Berhad bersabda, pengangkutan kargo ke-2,000 itu membolehkan kita menoleh kembali kepada penghantaran tetap selama lebih 15 tahun ke Jepun, ketika mana pegawai-pegawai dan anak-anak buah tujuh buah kapal pengangkutan LNG telah dikenali mempunyai reputasi yang baik di segi operasi yang selamat dan penuh bertanggungjawab.

Dalam perutusan yang dibacakan oleh Menteri Undang-Undang, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas mewakili Duli Yang Teramat

Oleh Aisah Piee

Mulia itu, Duli Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda, kita juga patut mengingati kejayaan projek tersebut sejak penghantaran pertama dalam tahun 1972 dan kepada pertukaran milik tujuh buah kapal pengangkutan LNG baru-baru ini.

Duli Yang Teramat Mulia juga mengingatkan supaya memandang ke hadapan dengan penuh keazaman bagi memelihara tahap perkhidmatan yang tinggi.

Hadir bagi memperingati pengangkutan yang bersejarah itu ialah pengarah-pengarah dari ketiga-tiga pemegang saham dalam Brunei LNG Sendirian Berhad dan Brunei Coldgas Sendirian Berhad, iaitu Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Royal Dutch Shell Group dan Mitsubishi Corporation.

Pengarah bagi Kerajaan Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang dan Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Seri Laila Jasa Awang Ahmad Wally Skinner. Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Undang-Undang, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abbas bin Haji Seruddin, serta Pengarah-pengarah Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad.

Para jemputan khas telah dibawa keluar pantai bagi menyaksikan kapal Bekulan berlabuh berdekatan dengan pelantar pengangkutan. Salah satu dari kemuncak majlis tersebut ialah penyampaian sebuah cendermua oleh Menteri Undang-undang kepada ketua Pegawai S.S. Bekulan, Gleen Turner dan disaksikan oleh Ketua Jurutera, John Laithwaite.

Di bawah perjanjian 20 tahun, Negara Brunei Darussalam akan membekalkan kepada Jepun sebanyak lima juta tan cecair gas setiap tahun.

Meskipun perjanjian itu bermula dalam bulan April, 1973 tetapi kargo pertama diangkut dalam bulan Disember, 1972 dengan menggunakan kapal Gadinia, sekarang dikenali sebagai Bebatik, yang juga membuat pengangkutan kargo ke 500 dan 1,000. Pelanggan-pelanggan di Jepun ialah Tokyo Elektrik, Tokyo Gas dan Osaka Gas.

Sambungan dari muka 5

dalam perjuangan Rasulullah iaitu datangnya "zaman beramal" sebagai membuktikan akuan beriman yang telah ditempuhi selama 11 tahun beliau berada di Mekatul Mukarramah, tanah tempat lahirnya sendiri. Oleh kerana pentingnya dan besarnya babak baharu itu, Allah Subhanahu Wataala telah mewahyukan kepada pesuruh-Nya tanpa perantaraan sesiapa kefarduan sembahyang lima waktu di samping mengampuni dosa umat Muhammad selama mereka

tidak menyengcutukan Allah (syirik) dan dengan kefarduan sembahyang lima waktu ini bererti telah bermulalah satu tugas harian yang pasti dilakukan oleh setiap umat manusia yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya sebagai bukti keimanan dan kehambaan mereka kepada Allah Subhanahu Wataala dan kepada kerasulan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam penghidupannya sehari-hari.

Bagi menegaskan perkara

itulah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pesuruh Allah telah bersabda: "Sembahyang itu tiang agama, barangsiapa mendirikan sembahyang sungguhnya ia telah mendirikan agama dan barangsiapa meninggalkannya bererti ia telah meruntuhkan agama." (Hadis riwayat Umar Radhiallahu Anhu).

Jika fardu sembahyang tidak dipenuhi dengan jujur adalah menandakan

kelemahan iman seseorang itu. Dalam hadisnya yang lain pula bermaksud: "Perjanjian antara kami dan kamu (orang kafir) ialah sembahyang. Barangsiapa meninggalkannya maka bererti ia telah ingkarkan agama."

Akhirnya marilah kita sama-sama mematuhi seluruh perintah Allah dan Rasul sebagaimana yang diarahkan di dalam firman-Nya: "Apa yang dibawa oleh Rasul kepadamu hendaklah kamu terima dan amalkan sepenuhnya dan apa yang dilarang hendaklah ditinggalkan."



Pertunjukan perdagangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu pertunjukan perdagangan kecil telah diadakan bulan lepas di sebuah hotel terkemuka di sini oleh rombongan dari Pusat Perdagangan Korea di Singapura (KOTRA).

Antara barang-barang yang dipamerkan ialah peralatan audio dan video, tayar, hiasan dalam plastik dan lain-lain barang keperluan kesihatan.

Antara yang menyaksikan pameran tersebut ialah Duta Besar Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Kang Sung Ku dan Yang Dipertua Dewan Perdagangan Melayu Brunei, Awang Abdul Hapidz Laksamana.

Awang Kim Man-Yool, Pengarah Kotra di Singapura memberitahu bahawa mereka ingin menyertai dalam berbagai perkembangan negara kita, terutama dalam bidang

perkilangan dan pembinaan. Menurutny lagi, mereka juga sedang merancang bagi menubuhkan industri kecil bagi menghasilkan perabot, bahan pembinaan dan pelbagai keperluan rumahtangga.

Semasa berada di negara ini, rombongan tersebut juga telah mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan ahli-ahli perniagaan di negara ini.



RAMALAN CUACA
←-- minggu ini --→



CUACA kering dijangka berterusan tetapi ada kemungkinan hujan berasingan di pedalaman akan berlaku pada akhir minggu nanti.

Ramalan cuaca ini bermula dari 1 April, hingga 7 April, 1987.

JADUAL AIR PASANG DAN SURUT

Tarikh	Air Pasang Penuh (jam)	Paras Air (meter)	Air Surut Penuh (jam)	Paras Air (meter)
1/4	0138	1.9	0700	1.2
	1311	2.0	1947	0.9
2/4	0234	1.7	0703	1.4
	1325	2.1	2037	0.8
3/4	0347	1.6	0639	1.5
	1339	2.2	2134	0.8
4/4	1355	2.2	2244	0.8
5/4	1415	2.3	0014	0.8
6/4	1401	2.3	—	—
7/4	1515	2.3	0146	0.7

Jadual ini adalah bagi Pelabuhan Muara. Bagi Bandar Seri Begawan waktu-waktu air pasang seperti yang tertara di atas hendaklah dicampur 45 minit dan bagi air surut dicampur 30 minit. Sementara bagi Daerah Tutong waktu air pasang hendaklah ditolak 45 minit dan air surut ditolak 30 minit. Manakala bagi Daerah Belait waktu air pasang hendaklah ditolak 60 minit dan air surut ditolak 30 minit.

WALLAHUAKLAM.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna ketika menyampaikan lencana kepada salah seorang Brownies. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

166 ORANG KETUA PEMIMPIN BROWNIES TERIMA LENCANA

BANDAR SERI BEGAWAN.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam telah berkenan menyampaikan lencana kepada 166 ketua pemimpin Brownies dan pasukan Brownies Sekolah Nusa Laila Puteri di Dewan Pusat Belia di sini pada 29 Mac yang lepas.

Sebelum majlis dimulakan bacaan Al-Fatihah bagi memperingati Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien telah diadakan.

Pengetua Sekolah Nusa Laila Puteri, Sharifah Nor binti Syekh Ibrahim dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata walaupun Brownies satu pergerakan pendidikan antarabangsa yang telah dijadikan pergerakan Pandu Puteri Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, namun katanya tidak semua pergerakan antarabangsa itu bersesuaian dengan kehendak dan keperibadian kita orang-orang Brunei.

Dalam hal ini beliau telah mengingatkan pemimpin-pemimpin untuk menyusun organisasi tersebut menjadi sebuah organisasi yang sesuai dalam mengasuh dan mendidik masyarakat generasi masa depan.

Tema majlis penyampaian lencana keahliannya tahun ini ialah "Berdisiplin, Belajar dan Bermain."

Lebih 200 orang hadir di majlis itu di antaranya, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga selaku Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, pemimpin-pemimpin pandu puteri, guru-guru serta ibu bapa.

Majlis telah diserikan lagi dengan berbagai-bagai persembahan dari keempat-

Oleh Haniza Abdullah

empat cawangan pasukan Brownies Sekolah Nusa Laila Puteri.

Sementara itu seramai 40 orang pandu puteri Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri menerima lencana keahliannya pada 20 Mac lepas.

Lencana-lencana tersebut disampaikan oleh Naib Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, Datin Masni binti Haji Ali.

Dalam ucapannya, Naib Yang Dipertua itu telah menyeru pandu puteri akan terus bergiat sehingga mendapat kejayaan yang dicita-citakan.

Menurutnya sebagai pandu puteri hendaklah sentiasa memberikan khidmat kepada masyarakat dan pertolongan kepada orang lain, tanpa mengharapkan balasan.

Lebih 50 orang pemimpin-pemimpin pandu puteri, serta guru-guru hadir di majlis itu.



DATIN Masni binti Haji Ali ketika menyampaikan lencana keahliannya kepada salah seorang pandu puteri. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Penglibatan rakyat sebagai ikrar taat setia

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar

BERAKAS. — Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang bersabda menekankan penglibatan lebih dari 18 ribu orang rakyat dan penduduk negara kita dalam sambutan Hari Kebangsaan baru-baru ini merupakan pembaharuan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia secara simbolik melalui nyanyian beramai-ramai lagu-lagu patriotik oleh peserta dan tetamu serta penonton dengan yang demikian melambangkan perpaduan dan memberi erti penuh kepada tema sambutan yang berbunyi "Bersatu Ke arah Keamanan dan Kemajuan."

Panduan telefon tahun '87

SUKACITA maklumkan kepada orang ramai bahawa Panduan Telefon Negara Brunei Darussalam keluaran 1987 boleh diperolehi untuk pembahagian mulai dari 1 April, 1987.

Pelanggan-pelanggan yang ingin untuk mengambil Panduan-panduan Telefon tersebut hendaklah membawa borang untuk mendapatkan Panduan Telefon keluaran 1987 yang boleh didapati di muka 7 Panduan Telefon 1986.

Panduan-panduan Telefon boleh didapati di Pusat-pusat Telekom yang berikut:—

Daerah Brunei dan Muara — Bahagian Perdagangan, Pejabat Telekom Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.

Pekan Muara — Pejabat Pos, Muara (1-2 April, 1987)

Daerah Belait — Pejabat Telekom, Kuala Belait.

Daerah Tutong — Pejabat Telekom, Tutong.

Daerah Temburong — Pejabat Telekom, Bangar

Yang Amat Mulia bersabda demikian di majlis malam kesyukuran yang menandakan berakhir sudah dengan rasmi perayaan-perayaan memperingati ulang tahun ketiga Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi tahun ini. Majlis berlangsung di Dewan Muhibbah di sini pada malam 27 Mac lepas.

"Sempena sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan bagi tahun 1987 dengan tema "Bersatu Ke Arah Keamanan dan Kemajuan" marilah kita semua rakyat dan penduduk negara ini memperbaharui ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan disertai dengan azam dan tekad untuk berbakti kepada Raja dan negara," seru Yang Amat Mulia.

Sebagaimana yang kita sedia maklum aturcara-atrurcara yang telah disusun dan dilaksanakan bagi sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan ialah sembahyang berjemaah di Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin

dan masjid-masjid utama seluruh negara pada petang 22 Februari 1987; Perbarisan Hari Kebangsaan pada 23 Februari 1987; Pameran Memperingati Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien dan Pameran Perhubungan; pembukaan rasmi Janakuasa Sultan Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien di Lumut; Seria pada 25 Februari 1987, Persembahan Malam Kebudayaan pada tarikh yang sama; serta pembukaan rasmi masjid Kampung Masin pada 27 Februari, 1987.

Menurut Yang Amat Mulia sesungguhnya aturcara-atrurcara itu tidak akan berjalan lancar dan berjaya mencapai maksud-maksud yang ditujui oleh Jawatankuasa Tertinggi tanpa adanya sokongan dan limpah kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta berkat daulat Baginda.

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi pada tahun ini Yang Amat Mulia mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi, Urusetia, semua pegawai, pengurus dan ahli Jawatankuasa Kecil yang dilantik, kementerian, jabatan-jabatan Kerajaan dan semua lapisan masyarakat yang telah berangguk bekerja untuk mengagihkan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan bagi tahun ini dari peringkat persembahan hingga pelaksanaannya.

Terdahulu selaku Setiausaha Tetap Kementerian Undang-Undang Dato Seri Laila Janah Haji Abas bin Haji Sembah yang juga selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi perayaan telah memberikan ucapan di majlis kesyukuran tersebut.

Menteri Undang-Undang juga telah menyampaikan siji-siji penghargaan kepada seramai 23 orang Pegawai Jawatankuasa Kecil pada malam itu.



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang, menyampaikan penghargaan kepada Dato Seri Laila Janah Haji Abd. Rahman bin Haji Karim, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, yang merupakan salah seorang Pengerusi Jawatankuasa Kecil. — Gambar oleh Pg. Bahar Png.

Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari yang boleh didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 1 April, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN

(1) Bawang Besar 1 kilogram \$1.30 — 1 kati 80 sen.

a) Kedai Eng Leong No. 8, Jalan McArthur.

b) Kedai Liong Chuan Jalan McArthur.

(2) Aji No Moto 350 gram sebungkus \$1.70.

b) Kedai Leong Sook Huat No. 1, Jalan McArthur.

(3) Kacang Meras 1 kilogram \$1.65 — 1 kati \$1.00.

a) Chop Chee Guan No. 4, Jalan McArthur.

KUALA BELAIT

(1) Bawang Besar 1 kilogram \$1.65 — 1 kati \$1.00.

a) Chop Yee Seng No. 46 Jalan Pretty.

b) Kedai Guan Heng, No. 30, Jalan Sungai.

(2) Aji No Moto 350 gram sebungkus \$1.70.

a) Kedai Chang Seng Heng No. 103, Jalan McKernan.

(3) Kacang Meras 1 kilogram \$2.00 — 1 kati \$1.20.

a) Syarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.

SERIA

(1) Bawang Besar 1 kilogram \$1.30 — 1 kati 80 sen.

a) Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali.

(2) Aji No Moto 350 gram sebungkus \$1.70.

a) Kedai Hudson Company No. 9, Jalan Sultan Omar Ali.

(3) Kacang Meras 1 kilogram \$2.00 — 1 kati \$1.20.

a) Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali.

DAERAH TUTONG SUMBANGKAN DUA KEMUDAHAN PENTING

OLEH TIMBANG BAKAR
GAMBAR-GAMBAR OLEH PG. ABU BAKAR PHO.

MUNGKIN ada yang tidak menyedari bahawa selama ini Daerah Tutong telah menyumbangkan dua keperluan yang amat penting dalam kehidupan kita seharian di negara ini. Pertama ialah air, air yang kita minum, yang kita gunakan untuk mandi, membasuh pakaian, memasak dan sebagainya adalah dibekalkan dari Layong yang terletak di Mukim Lamunin. Air yang dipam dari Sungai Tutong itu diproses di sini terlebih dahulu sebelum sampai ke rumah kita.

Sumbangan kedua merupakan kemudahan di bidang telekomunikasi yang mana dengan adanya Stesen Satelit Bumi di Telisai kita telah dapat menikmati sistem perhubungan yang baik dengan negara-negara lain di dunia. Melalui satelit tersebutlah kita dapat berbual-bual dengan rakan-rakan atau siapa saja yang kita hajati di luar negeri dengan jelas dan mudah. Melalui satelit itu juga kita dapat menonton di kaca-kaca tv perlawanan tinju heavy dunia yang menjadi kegemaran yang biasanya disiarkan secara langsung dari negara-negara penganjur, bukan itu saja, melalui juga kita dapat menonton peristiwa-peristiwa dari berbagai pelusuk dunia setiap hari.

Inilah dua peranan penting yang dimainkan oleh Daerah Tutong dalam mengisi sebahagian dari keperluan asas kita seharian.

Bekalan air dari Layong itu adalah dijamin akan terus mencukupi. Ini terbukti setelah negara kita mengalami musim kemarau sejak awal tahun ini sehingga sekarang bekalan air masih berjalan lancar di tiga daerah yang dibekalkan. Daerah Temburong mempunyai pusat perbekalannya sendiri, yang mana operasinya juga telah mencukupi untuk keperluan penduduk di sana.


Namun demikian, untuk menghadapi pertambahan penduduk dan pesatnya pembangunan di negara ini yang sudah tentu akan bertambahnya juga permintaan terhadap bekalan air, maka menyedari perkara ini kerajaan telah mengambil langkah "menyediakan payung sebelum hujan" atau beringat sebelum kena, kerana air adalah sumber kehidupan.

Untuk itu kerajaan melalui Kementerian Pembangunan telah membina sebuah projek raksasa ampangan air di

Benutan sebuah kampung pedalaman di Daerah Tutong yang juga terletak di Mukim Lamunin. Ampangan yang menelan belanja kira-kira \$42 juta ini akan melibatkan satu kawasan seluas 700 ekar.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Aziz bin Mohammad berkata, kerja-kerja pembinaan ampangan ini sedang berjalan sekarang dan apabila siap nanti ianya boleh menampung keperluan seluruh negara bagi jangka panjang.

Stesen Pam Air Layong yang ada sekarang memang sudah mampu membekalkan air ke seluruh negara, tetapi untuk jangka panjang keupayaannya mungkin tidak mencukupi kerana saiznya dan mesin pam yang digunakan kecil sedangkan



SEKOLAH Vokasional di Kampong Birau pembinaannya hampir siap dengan menelan belanja kira-kira \$22 juta.

permintaan sudah tentu semakin bertambah sejajar dengan perkembangan dan pembangunan negara.

Sungai Tutong merupakan sungai yang terbesar di daerah itu, dan dari hasil kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan sungai tersebut mempunyai potensi dari segi kederasan air dan kedudukannya yang bersesuaian. Sebelum ada jalan kecil ke Kampung Benutan penduduk di sini menggunakan Sungai Tutong untuk berulang alik ke Pekan Tutong. Walau bagaimanapun pembinaan ampangan ini tidak akan menjejaskan kepentingan

sungai tersebut kepada penduduk sekitarnya. Lagipun ampangan yang dibina itu melimpasi kawasan Kampung Benutan.

Daerah Tutong yang mengandungi lapan mukim kini mempunyai penduduk hampir 25 ribu orang. Dua ribu daripadanya adalah bangsa Cina yang kebanyakannya terdiri dari peniaga-peniaga dan pengusaha yang menjalankan perusahaan di sini. Manakala sembilan ribu dari jumlah penduduk itu mendiami Pekan Tutong.

Penduduk yang semakin

ramai merupakan faktor utama yang mendorong daerah ini untuk terus membangun dan meningkatkan produktiviti. Kerana penduduk ramai bererti permintaan bertambah, untuk memenuhi setiap permintaan itu pula bukanlah sesuatu yang boleh 'disimbat-simbat'.

Namun demikian kalau kita perhatikan perkembangan yang ada di Daerah Tutong masa ini, terutamanya rancangan-rancangan yang terkandung dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Lima Tahun rupa-rupanya Daerah Tutong diam-diam ubi tetapi berisi.

Di bidang pelajaran, daerah ini akan mempunyai sebuah sekolah menengah vokasional yang kini hampir siap pembinaannya di Kampong Birau. Sekolah ini menelan belanja kira-kira \$22 juta dan ianya merupakan bangunan sekolah yang pertama di negara ini yang direkabentuk sedemikian indah.

Adalah dihasratkan pembinaan sekolah vokasional yang pertama ini akan dapat melahirkan anak-anak negeri yang berkelakayan dan berkemahiran di bidang vokasional kerana negara kita sebagai sebuah negara yang sedang membangun banyak memerlukan tenaga-tenaga mahir di bidang tersebut.

Sudah tentulah pembinaan sekolah tersebut, walaupun letaknya di Daerah Tutong namun pintunya terbuka untuk penuntut dari seluruh negara kita.

Di samping itu Daerah Tutong juga akan mempunyai sebuah sekolah menengah Arab. Dewasa ini kita mempunyai dua buah sekolah Arab yang kedua-duanya terletak di ibu negara. Walaupun ianya masih dalam perancangan, tetapi jelas kepada kita bahawa pengajian tersebut juga merupakan bidang ilmu yang penting.

Selain itu, pembinaannya nanti adalah sebagai langkah untuk mengatasi kesesakan dari keramaian penuntut yang ada di kedua-dua sekolah Arab sekarang.

Sekolah Menengah Arab di Daerah Tutong ini nanti akan dibina di atas tapak seluas 55 ekar yang dikira akan dapat memudahkan lagi bukan saja penuntut-penuntut yang datang dari Daerah Tutong sendiri bahkan juga dari Daerah Belait yang pada masa ini terpaksa pergi ke Bandar Seri Begawan.



KERJA-KERJA sedang dijalankan bagi membersihkan kawasan hutan seluas 700 ekar bagi pembinaan ampangan air di Kampung Benutan.

Di bidang pelajaran, daerah ini akan mempunyai sebuah sekolah menengah vokasional yang kini hampir siap pembinaannya di Kampong Birau. Sekolah ini menelan belanja kira-kira \$22 juta dan ianya merupakan bangunan sekolah yang pertama di negara ini yang direka bentuk sedemikian indah.



KAUM wanita, libatkan diri dalam berpersatuan
Pengiran Hajjah Norsinah —
Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO



Oleh: Aisah Piee

JIKA diukur dari usia, Pertubuhan Kebajikan Perempuan Daerah Belait (PKP) yang sedia menerima keahlian suri rumah dan pegawai-pegawai serta kakitangan Kerajaan memang setentunya telah cukup matang.

Pengembelian tenaga antara suri-suri rumah tangga dengan kakitangan Kerajaan kita dalam persatuan itu akan membolehkan kaum wanita bersatu padu, melahirkan buah fikiran baru, membuat penilaian mengenainya, untuk sama-sama memainkan peranan ke arah pembangunan negara.

Pengiran Hajjah Norsinah, isteri Pengiran Haji Zainal, isteri Pegawai Tanah Kanan daerah itu berkata, pengembelian tenaga antara mereka dalam berpersatuan boleh membantu ke arah pembangunan negara.

Prestasi

Katanya, kaum wanita kita

tidak dinafikan telah dapat mengunggulkan pelbagai aktiviti yang berkebakikan, yang bermakna, wanita pada masa ini bukan saja matang tetapi juga lantang bersuara, terutama untuk meningkatkan prestasi dan mutu keupayaan.

Beliau menyatakan ini ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait yang berlangsung baru-baru ini di Dewan Kemasyarakatan, di Kuala Belait.

Pertubuhan Perempuan yang telah sekian lama berpacak di daerah minyak itu, bagaimanapun mempunyai ahli kurang dari 100 orang, tetapi ia telah banyak berjaya melaksanakan bermacam-macam kegiatan amal dan sosial.

Entahlah mungkin disebabkan kurang yakin atau lebih tertarik dengan persatuan lain, ada di antara



PEMANDANGAN ketika Mesyuarat Agung Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait dilangsungkan baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

ahlinya yang sanggup berhi-jrah. Tetapi di kalangan ahli terdapat juga para ibu yang tetap setia menabur bakti, kepada masyarakat, bangsa dan negara melalui persatuan itu.

Pengiran Hajjah Norsinah juga menyeru kaum wanita supaya melibatkan diri dalam berpersatuan, kerana menurutnya, penglibatan mereka itu akan meningkatkan kaum wanita di segi ekonomi dan juga sosial, khususnya dalam ben-

tuk fizikal ataupun mental.

Dan sebagai pertubuhan perempuan yang tertua di daerah itu, bilangan ahli tidak menghalang ia untuk terus bergiat rancak. Malah itulah merupakan cabaran, cabaran kepada pelbagai gejala, maju dan mundurnya.

Mempelbagaikan

Pertubuhan Kebajikan Perempuan sentiasa mempelbagaikan kegiatan-nya, dari kegiatan jahitan dan

masak-memasak dan pelbagai sudut rumahtangga kepada beberapa lagi kegiatan amal berbentuk keagamaan dan sosial bagi faedah persatuan dan masyarakat sekelilingnya.

Persatuan Kebajikan Perempuan menjadikan Peraduan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi kanak-kanak berumur 13 tahun kebawah sebagai aktiviti tahunan, di samping mengadakan pameran kraftangan dan urusan rumahtangga secara

bergabung dengan Persatuan PERTIWI dan Persatuan Perkumpulan Perempuan Brunei (W.I.) dalam daerah berkenaan.

Selain itu, persatuan juga tahun lepas telah mengadakan menyertai Majlis Membaca Al-Quran dan Sambutan Ramadhan Aidilfitri yang disertai dengan penyampaian kepada bakal-bakal ibu sebegini.

Namun, bukan setakat saja yang mesti diusahakan. Ahli-ahli lebih digesa bersatu padu dalam menghadapi untuk taman asuhan kanak-kanak dan taman penjagaan damit.

Yang Dipertua M. Sharifah Mahani W. Abd. Rahman berkata, ahli persatuan hendaklah bergiat mengusahakan pelbagai kegiatan berkepaksi di mana pemikiran yang baiklah ditumpukan untuk menubuhkan taman asuhan kanak-kanak dan taman kanak-kanak damit.

Kejayaan bagi projek pama itu ialah perpaduan dan persefahaman, kerana dan usaha gigih bagi satu-satu projek yang cangkan bagi membermat bakti kepada masyarakat bangsa dan negara.

900 kanak-kanak sertai peraduan melukis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih 900 orang kanak-kanak seluruh negara menyertai peraduan lukisan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka sempena Jubli Peraknya pada 22 Mac, lepas.

Peraduan itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu bagi kanak-kanak berumur 6 hingga 10 tahun dan antara 11 hingga 14 tahun.

Peraduan selama tiga jam itu telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan di kalangan kanak-kanak.

Awang Md. Sofian bin Mohammad berusia 14 tahun

Oleh: Haniza Abdullah

berkata, "Kami diminta melukis bebas iaitu apa saja terdapat di sekeliling taman ini."

Dalam peraduan ini dia telah melukis pemandangan di sekitar tiga buah bangunan iaitu bangunan Pejabat Bandaran, RBA Plaza dan Bangunan Hongkong Bank.

Awang Md. Sofian anak kedua dalam 7 orang adik-beradik mempunyai

kegemaran bermain badminton, dan bercita-cita ingin menjadi seorang pelukis terkenal di masa akan datang. Dia banyak mendapat dorongan dan pengalaman daripada bapa saudaranya.

Walaupun baru pertama kali menyertai peraduan serupa ini, namun dia mempunyai harapan untuk mendapat kejayaan.

"Saya juga ingin menjadi seorang pelukis terkenal," kata adik Mohd. Khairul Alimin, salah seorang peserta yang menyertai peraduan melukis sempena Jubli Perak anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Walaupun baru berusia 9 tahun namun bakat yang ditunjukkan itu menyamai bakat orang dewasa. Awang Mohd. Khairul adalah anak ketiga dalam empat orang adik-beradik dan mempunyai kegemaran bermain bola.

Menurutnya, dia sering menyertai peraduan-peraduan melukis di sekolah-sekolah anjuran Shell dan pernah mendapat tempat pertama.

Tujuan peraduan itu antara lain untuk menanamkan minat melukis di kalangan kanak-kanak di samping untuk mengasah bakat yang sedia ada di kalangan kanak-kanak.



KELIHATAN kanak-kanak yang menyertai peraduan melukis di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di negara mendengarkan penerangan (atas). Sementara gambar bawah pula memperlihatkan suasana ketika melukis dijalankan. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.



MOHD. Khairul Alimin salah seorang kanak-kanak yang menyertai peraduan pada hari itu kelihatan sedang memerhatikan sesuatu di sekeliling Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin untuk dijadikan ilham lukisan. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.





ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI


MASUKILAH KERJAYA TENTERA



KERJAYA TENTERA BUKAN
SAJA SALAH SATU
BIDANG KERJAYA YANG
MENJAMIN BAHKAN
MEMBERI SANJUNGAN
TERHADAP PERLINDUNGAN
DAN
KEDAULATAN NEGARA



**SATERIA
GAGAH
HARAPAN
NEGARA**



**PENGAMBILAN YANG KE-72 SEDANG DIJALANKAN
MENDAFTARLAH BERAMAI-RAMAI**

SYARAT-SYARAT

- Awang-Awang mestilah rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Awang-Awang mestilah lulus darjah 6 Melayu atau yang sebanding dengannya.
- Awang-Awang mestilah berumur 17½ tahun hingga 25 tahun.
- Tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 1 inci, berat badan tidak kurang dari 105 paun dan berbadan sihat.
- Lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.
- Awang-Awang hendaklah berasal dari salah satu puak seperti berikut: Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.

Mendaftarlah kepada
Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Bolkiah Garison
Negara Brunei Darussalam

Nama :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Umur :

Alamat Sekarang :

Kelulusan Sekolah :

Nama Ayah/Penjaga :

No. Kad Pengenalan Warna :

Tarikh Lahir : Tempat Lahir :

Alamat Sekarang :

No. Telefon Rumah/Pejabat :

Tandatangan : Tarikh :



D.Y.M.M. b Raky gembira



SIAPA yang tidak gembira jika dapat bertemu dan bermesra dengan seorang Raja yang pemurah, penyayang dan sentiasa mesra dengan rakyat jelata. Inilah yang dirasakan oleh penduduk Mukim Gadong semasa mengalu-alukan keberangkatan tiba Baginda ke mukim tersebut (atas).

DALAM rangka lawatan tersebut Baginda juga singgah di Pusat Perbekalan Kerjasama. Dalam gambar kelihatan Baginda dijunjung oleh Pengurus pusat tersebut Awang Haji Mustafa menyaksikan sebahagian dari barang-barang yang dibekalkan oleh pusat itu (atas kanan).

BAGINDA sedang memerhati keunikan kraftangan dari tempurung kelapa yang dihasilkan oleh penduduk kampung yang juga dipamerkan di salah sebuah kampung yang Baginda lawati (kiri).



AGAKNYA inilah saat-saat yang paling manis bagi penduduk kampung ini, kerana di samping dapat menatap wajah Raja mereka yang dikasihi, Baginda berkenan pula sama-sama memusing 'candasan' iaitu alat lama yang digunakan oleh orang-orang kampung untuk memproses gula tebu.

melawat Mukim Gadong an penduduk sama Baginda



BILA ada kesempatan Baginda sentiasa ingin memerhati dan mendekati cara kehidupan rakyat Baginda. Gambar ini merakamkan ketika Baginda sedang menaiki sebuah 'dorong' untuk menyaksikan sendiri bagaimana padi disimpan di dorong itu (kanan).



Gambar-gambar oleh:
Haji Sharbini Taha,
Pg. Abu Bakar PHO
Pg. Bahar PHO dan
Pg. Haji Yaakub



SEMASA berangkat melawat Mukim Gadong, Baginda sempat melawat Kolam Ikan, Sungai Jambu, di Kampung Tungku. Gambar atas kelihatan Baginda melawat sekitar kolam tersebut dengan diiringi oleh Pengarah Perikanan, Awang Matdanan bin Haji Mohd. Jaafar.

SEBILAH keris antara yang menarik perhatian Baginda semasa menyaksikan pameran hasil kerjatangan penduduk Kampung Kiarong yang diadakan di pekarangan rumah ketua kampung tersebut (atas kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mendengarkan penuh minat tentang apa yang disembahkan oleh Ketua Kampung Mata-Mata, Awang Haji Barudin bin Bakar semasa Baginda berkenan berangkat bercemar duli ke rumah beliau dalam lawatan tersebut (kanan).

AWANG Haji Shukur bin Pakar sedang menyembahkan ucapan alu-aluannya atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke Mukim Gadong (kiri).



rtb Intisari minggu ini



Tetamu Radio

RANCANGAN Tetamu Radio pada hari Ahad yang lalu telah diisikan dengan temubual rakan sekerja Jamilah Abdullah bersama Atondra. Jadi kepada awda yang tidak

berkesempatan mengikuti siaran asalnya, jangan lupa untuk mengikuti ulangannya pada hari ini, jam 2.00 petang. (gambar di atas). Sementara pada hari

Ahad ini 5 April, 1987, kita akan dapat mengikuti bualan rakan sekerja bersama Dr. Mohammad Ghouse bin Nasurruddin. Siarannya pada jam 4.30 petang.

Radio Minggu Ini:

LAGU-LAGU ASEANIKA

PERKEMBANGAN maju media letronik hari ini telah membantu para seniman dan budayawan di ASEAN, menonjolkan serta memperkembangkan hasil pemikiran dan kreativiti mereka kepada umum.

Pesta Lagu-Lagu, Pesta Seni Pentas dan sebagainya di negara-negara ASEAN, secara bergilir-gilir, tidaklah memberi-

kan satu kepuasan yang cukup dan memadai kepada para penonton yang terhad bilangannya. Inisiatif untuk memberikan pendedahan yang meluas terhadap seni budaya tersebut, secara menyeluruh terus dipertingkatkan. Antaranya ialah dengan menggunakan media letronik, seperti televisyen dan radio.

Menerusi Perkhidmatan Radio Televisyen Brunei, para pendengar radio secara langsung dapat mengikuti dan mendengar seni lagu dan muzik negara-negara ASEAN. Radio Brunei sejak beberapa bulan lalu telah menyediakan satu rancangan khas yang diberi nama 'ASEANIKA,' khusus untuk menyiarkan lagu-lagu dari enam buah negara ASEAN. Rancangan 'ASEANIKA' ini dapat diikuti setiap hari Khamis, jam 1.30 petang. Dan siaran ulangannya pula ialah setiap hari Isnin jam 1.30 petang.

Matlamat utama rancangan 'ASEANIKA' ini antara lainnya ialah untuk memenuhi kehendak projek serantau, yang dikenali sebagai ASEAN-COCI (Committee On Culture and Information). Menerusi projek ini kita dapat mengetahui lagi kekayaan seni budaya yang ada di negara-negara jiran ini.

Di samping itu, para seniman dan budayawan ASEAN juga dapat menghasilkan pemikiran kreativiti mereka, untuk disumbangkan, dihayati, dipelajari dan diselidiki, sebagai warisan seni budaya ASEAN.

Sandiwar Radio:

"CINTA DI LEBUH RAYA"

MINGGU ini Sandiwar Radio berjudul CINTA DI LEBUH RAYA, dari ilham A. Mohammad Timbang, Brunei.

Cerita yang bertemakan cinta dan diolah dengan gaya yang menarik dan diselang seli dengan insiden-insiden seram ini, dimulakan dengan mimpi seram yang dialami oleh Asri sehingga ia terjerit-jerit di tengah malam dan menyebabkan Jasni teman sebilikinya terkejut.

Kebetulan pula pada tengah malam itu Asri punya rancangan untuk pulang ke kampungnya memandangkan adik sepupunya akan berkahwin pada keesokan harinya. Kerana bekerja lebih masa pada siang hari, ia tidak dapat terus balik selepas waktu pejabat.

Ketika sedang memandu di lebuhraya fikirannya tiba-tiba diganggu dan seolah-olah didesak untuk memberikan bantuan kepada seorang pemandu wanita yang seperti sedang mengalami kerosakan kereta. Walaupun mula-mula ia merasa keberatan, tapi setelah difikirkan ia tidak sampai hati untuk membiarkan wanita itu tanpa diberikan pertolongan.

Setelah ditanya apa masalahnya, wanita itu memberitahu yang tayar kere-

tanya kempis. Oleh kerana ia tidak mempunyai tayar 'spare', Asri menawarkan untuk memandarkannya pulang dan secara kebetulan pula mereka tinggal di daerah yang sama. Asri menghantarnya hingga selamat sampai ke rumahnya.

Sejak pertemuan itu Asri selalu teringat akan wanita yang bernama Nanirah itu. Ia merasa pertemuan malam itu seperti belum mencukupi. Kerana hendak bertemu lagi, Asri memutuskan pergi ke rumah Nanirah.

Apabila sampai ke rumah Nanirah, Asri diberitahu akan sesuatu yang amat mengejutkan oleh saudara kembar Nanirah. Apakah berita yang diterimanya itu? Ikutilah siarannya nanti pada 5 April, 1987 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk Maskupul Pg Tajuddin.



Sudut Remaja

RANCANGAN Alam Remaja menerusi Sudut Remaja Minggu Ini memilih penyanyi remaja dari Daerah Tutong namanya Mohd. Aminuddin Mohd. Noor, masih menuntut dan baru berusia 18 tahun.

Mohd. Aminuddin akan bersama awda pada Isnin 6 April, 1987 jam 4.00 petang dan akan ulang pada hari Rabu 1 April, 1987, jam 3.30 malam.



Siri baru Tv: 'THE WIZARD'

THE WIZARD sebuah siri baru yang mengandungi 22 episod yang akan dapat awda saksikan tiap-tiap hari Sabtu kira-kira jam 7.20 malam.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Serasa	1.4.1987	Rabu	9.45-10.15 pagi
Sekolah Rendah Mentiri	1.4.1987	Rabu	10.30-11.00 "
Sekolah Rendah Sultan Abd Bubin Sg Besar	1.4.1987	Rabu	11.15-11.45 "
Sekolah Rendah Batu Marang	1.4.1987	Rabu	2.30- 3.30 petang
Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang	2.4.1987	Khamis	10.00-12.00 tengah hari
Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah	2.4.1987	Khamis	2.30- 3.30 petang
Sekolah Rendah Haji Md Yusuf Katimahar	4.4.1987	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	4.4.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Mulaut	4.4.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Birau	4.4.1987	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Rendah Kiudang	4.4.1987	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Rendah Lamunin	4.4.1987	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching	6.4.1987	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Sekolah Rendah Kiarong	6.4.1987	Isnin	8.30- 9.30 "
Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan	6.4.1987	Isnin	1.45- 2.45 petang
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)	7.4.1987	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Rendah Anggerik Desa Berakas	7.4.1987	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Ugama Haji Md Jaafar Kg Kiulap	7.4.1987	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata Gadong	7.4.1987	Selasa	3.30- 4.00 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring	7.4.1987	Selasa	4.30- 5.00 "

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.



MINGGU INI

HARI RABU

1 APRIL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 5.30 3-2-1 CONTACT: "Tropics Monday"
- 5.00 CAMERA ON THE MOVE: "Where Neptune Does His Worst"
- 5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Bits And Chips"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 DEFENDERS OF THE EARTH — sambungan
- 5.55 MR BELVEDERE
- 6.20 APA TU AH?
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.34 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.44 APA TU AH? — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 SCARECROW AND MRS KING: "The Boy Who Could Be King"
Lee dan Amanda menghalang dua orang pembunuh dari membunuh seorang pemain trumpet diraja yang bermain untuk kerajaannya yang mana termasuk siasatan ke atas logam terbaik.
- 7.39 AZAN ISYAK
- 7.44 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 SUDUT PELITA
- 8.45 BIMBINGAN ISLAM
- 8.55 LIPUTAN NASIONAL
- 9.25 REKASENI
- 9.50 COMEDY
- 10.15 ROAD TO WEMBLEY: "Watford vs Warsaw"
- 11.05 LOVEJOY: "The Axeman Cometh"
- 11.35 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI KHAMIS

2 APRIL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 BERREINSTEIN BEARS
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 ONCE UPON A TIME: "One Good Deed Deserves Another" (ulangan)
- 6.05 LET'S GO MATHS
- 6.15 GHOSTBUSTERS: "Witches Stew"
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.34 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.44 GHOSTBUSTERS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 CRAZY LIKE A FOX: "A Fox At The Races" (Episod akhir)
- 7.39 AZAN ISYAK
- 7.44 CRAZY LIKE A FOX — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 HIDAYAT
- 9.20 DUNIA MINGGU INI
- 9.50 HARDCASTLE AND McCORMICK: "The Yankee Clipper"
McCormick menghadiri upacara pengkebumian teman lamanya yang membuka rahsia tentang cerita-cerita yang berputar belit mengenai korupsi dan pembunuhan dan akhirnya

menunjukkan bahawa dia mencuri kerandanya yang penuh dengan jutaan wang tunai curian.

- 10.40 TOO CLOSE FOR COMFORTS: "Drawing Room"
- 11.05 TAYANGAN GAMBAR: "The Burglar"
- 12.35 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI JUMAAT

3 APRIL

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 CERAMAH UGAMA
- 12.25 HIDAYAT (ulangan)
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.49 HIDAYAT — sambungan
- 12.55 MUTIARA / NADASARI

PETANG

- 1.25 ALVIN AND THE CHIPMUNKS
- 1.50 ITALIAN FOOTBALL 1986/87
- 2.40 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
- 3.05 ANDY ROBSON: "Golden Girl"
- 3.25 AZAN ASAR
- 3.30 AL-KISAH: "Monyet Yang Pertama" (ulangan)
- 3.47 BUTTERFLY ISLAND
- 4.15 ODYSSEY FEATURES: "Invasion" Bgh II
- 5.05 PERSPECTIVE: "Vital Force"
- 5.30 YOU AGAIN: "Small Change"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 YOU AGAIN — sambungan
- 6.00 ADVENTURES OF HUCKLEBERRY FINN
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.34 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.44 ADVENTURES OF HUCKLEBERRY FINN — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 HIBURAN TEMPATAN: Hanya Nyanyian
- 7.39 AZAN ISYAK
- 7.44 HIBURAN TEMPATAN — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 DOCUMENTARY: ARCHITECTURE AT THE CROSSROAD
- 10.10 THE FAR PAVILIONS (Siri baru)
Siri ini dipadankan dari sebuah novel yang telah dijual sebanyak 15 juta naskah. Ianya adalah sebuah kisah cinta yang sungguh ghairah dan menimbulkan kenangan yang berlatarbelakang India di zaman penguasaan British. Ia memaparkan aspek peperangan, pengkhianatan dan komplotan.
- 10.55 KNOTS LANDING: "All's Well"
- 11.50 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI SABTU

4 APRIL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN.
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 SECRETS OF THE COAST (Siri baru)
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 SECRETS OF THE COST — sambungan

- 6.00 VALERIE: "Boston Tea Party"
- 6.20 THUNDERCATS
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.34 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.44 THUNDERCATS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 THE WIZARD: "Reunion" (Siri baru)
Tillie Russel ditangkap di Hong Kong semasa cuba menyembunyikan beberapa gambar Troyon dan kunci-kuncunya menyala kemudian menangkapnya. Di makmalnya Simon menerima isyarat rahsia dari Tillie, memberitahunya bahawa ia sedang berhadapan dengan kesulitan. Simon dan Alex pergi ke Hong Kong untuk menyelamatkan Tillie.
- 7.38 AZAN ISYAK
- 7.43 THE WIZARD — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 BINTANG REMAJA: Separuh Akhir No. 3
- 10.05 TAYANGAN GAMBAR MELAYU/INDONESIA
- 11.40 ENTERTAINMENT THIS WEEK
- 12.25 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI AHAD

5 APRIL

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.14 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.18 MUSICAL: Tube Compilation — "Meatloaf"
- 12.25 AZAN ZUHUR
- 12.30 MUSICAL — sambungan
- 1.05 REAL PEOPLE (Siri baru)
- 1.55 TAYANGAN GAMBAR: "Posse"
Dalam kegilaan mengejar kuasa, seorang marshal Amerika Syarikat yang tidak berperikemanusiaan sanggup melakukan pembunuhan, penipuan dan pengkhianatan. Seorang penjenayah mengelak diri dan mengejek ejek marshal tersebut, didorong oleh perasaan meluatnya kerana telah diperalatkan sebagai batu loncatan oleh marshal itu untuk menduduki senat A.S.
- 3.26 AZAN ASAR
- 3.31 SMURFS
- 3.54 THE TRANSFORMERS
- 4.30 DRAMA (SBC) "Kembali Dalam Kenangan" Bgh. I
- 5.10 SPORTS: ROTHMANS SNOOKER 1985 — Peringkat Akhir Bgh. I
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 SPORTS — sambungan
- 6.05 CONTROL CENTRE BRAIN: "Danger An Escape" (Episod akhir)
- 6.20 WHO'S THE BOSS? "When World Collide"
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.34 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.44 WHO'S THE BOSS? — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 OUR HOUSE
- 7.38 AZAN ISYAK
- 7.43 OUR HOUSE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 MARI MEMASAK:
- 9.15 OUR FAMILY HONOUR: "The Casino"
- 10.05 LIVE STUDIO PRESENTATION

- 10.15 LITTLEWOODS CHALLENGE TROPHY CUP FINAL 1987 "Liverpool vs Arsenal"

(Siaran langsung dari Wembley Stadium)

- 12.05 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI ISNIN

6 APRIL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FRAGGLE ROCK
- 4.55 TOM AND JERRY
- 5.20 ECONOMIC TODAY: "The Social Consequences Of Technical Progress"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE COSBY SHOW: "Denise Gets An Opinion"
- 6.15 CHILDREN PROGRAMME
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.34 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.44 CHILDREN PROGRAMME — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 MUTIARA / NADASARI
- 7.38 AZAN ISYAK
- 7.45 WARTA BERITA
- 8.10 PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT KEBANGSAAN 1407/1987 — MALAM PERTAMA
(Siaran langsung dari Taman Haji Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan)
- 11.30 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI SELASA

7 APRIL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 THE KIDS FROM 47A: "Binny's E.S.P."
Satu kejadian yang menakutkan dan menyenangkan yang mengembangkan E.S.P. dan Binny melihat benda-benda rahsia dan acara-acara lucu di dalam store. Tidak seorang pun yang bersedia untuk mempercayainya, tidak juga Miss East, walaupun Binny membuktikannya benar. Dan apabila dia meramalkan bahawa sesuatu bahaya akan berlaku kepada George, dia masih tidak dihiraukan.
- 4.55 DOCUMENTARY
- 5.20 MICKEY AND DONALD
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 MARI MEMASAK (ulangan)
- 6.15 CHARLES IN CHARGE
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.34 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.44 CHARLES IN CHARGE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 STARMAN: "One For The Road"
- 7.38 AZAN ISYAK
- 7.43 STARMAN — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.25 PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT KEBANGSAAN 1407/1987 — MALAM KEDUA
(Siaran langsung dari Taman Haji Omar Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan)
- 11.10 CYCLONE TRACY (Episod akhir)
- 12.00 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMAUNDU OUTBOARD

(Di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan)

(Bilangan Kod : 036 98-165)

Tanggagaji : F. 2-3-4-5 EB. 6 — \$495-\$790 sebulan.

Kelayakan :

- Umur di antara 20 hingga 45 tahun dan tahu menulis dan membaca dalam bahasa Melayu.
- Mempunyai tubuh badan yang sihat, penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Mestilah pandai berenang.
- Berpengalaman sebagai pemandu Motor Sangkut sekurang-kurangnya dua tahun dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- Mengetahui selok-belok sungai-sungai di negara ini adalah merupakan satu kelebihan.

2. TUKANG KAYU TINGKAT II

a) (Di Jabatan Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bilangan Kod : 026 95-412)

b) (Di Jabatan Lembaga Bandar Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bilangan Kod : 067 95-412)

Tanggagaji : F. 3-4 EB. 5 — \$550-\$700 sebulan.

Kelayakan :

- Umur tidak kurang dari 20 tahun.
- i) Sijil dalam kursus Praktikal Pertukangan Kayu (carpentry) dari Maktab Teknikal Brunei.

ATAU

- Berpengalaman dalam pertukangan kayu tidak kurang dari 3 tahun dan memenuhi syarat-syarat seperti berikut :—

- Dalam hal-hal pertukangan kayu dan mengetahui jenis-jenis kayu.
- Tahu merancang rangka dan mengadakan lukisan-lukisan bagi kerja-kerja yang diarahkan.
- Boleh menaksirkan perbelanjaan-perbelanjaan yang dikehendaki di atas satu-satu pertukangan tersebut.
- Boleh mengerjakan lukisan yang disediakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab di Jabatan Lembaga Bandar Tutong :—

Membaiki kerosakan-kerosakan gerai, pasar, semaian bunga dan lain-lain lagi dalam kerja-kerja pertukangan kayu.

3. TRADESMAN TINGKAT II

(Di Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bilangan Kod : 025 03-956)

Kelayakan :

Tanggagaji : F. 3-4 EB. 5 — \$550-\$700 sebulan.

- i) City and Guilds of London Institute dalam bidang Pengajaran Asas Pertukangan kejuruteraan dan lulus mata pelajaran Internal Combustion Engine Work, Vehicle Work dan Basic Engineering Trade Subjects (Automotive).

ATAU

- Berpengalaman praktikal dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Mekanik tidak kurang dari 3 tahun.

- Berpengalaman praktikal membaiki kenderaan seperti Wheel Loader, Truck dan lain-lain lagi, termasuk mesin-mesin rumput dan motor sangkut adalah satu kelebihan.

- Mereka yang tidak mempunyai kelulusan yang tersebut di atas tetapi sedang dan telah berkhidmat sebagai Mekanik di Jabatan-Jabatan Kerajaan akan juga dipertimbangkan.

4. PEMAUNDU TINGKAT II

(Di Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan) (Bilangan Kod : 054 98-504)

Tanggagaji : F. 2-3-4 EB. 5 — \$495-\$700 sebulan.

5. PEMAUNDU/MEKANIK

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kehidupan) (Bilangan Kod : 062 98-510)

Tanggagaji : F. 2-3-4-5 EB. 6 — \$500-\$790 sebulan.

Kelayakan bagi Jawatan 4 & 5 :—

- Umur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
- Pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 5 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas 11 (sebelas) dan mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

6. PENJAGA MALAM

(Di Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan) (Bilangan Kod : 054 58-941)

Tanggagaji : F. 1-2 EB. 3 — \$445-\$590 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan tahu menulis dan membaca.
- Berbadan sihat dan telah berpengalaman sebagai Penjaga/Penjaga Malam.

- Tinggal di kawasan yang berdekatan merupakan satu kelebihan.

7. PEKERJA LUAR PENYAKIT JIWA

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kehidupan)

(Bilangan Kod : 062 07-981)

Tanggagaji : F. 2-3-4-5 EB. 6 — \$495-\$790 sebulan.

Kelayakan :

- Umur di antara 18 hingga 25 tahun.
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

Jenis Pekerjaan :

Menyiasat pesakit-pesakit yang mengidap penyakit jiwa, membawa pesakit yang enggan berubab ke Rumah Sakit, dan saudara pesakit dan Pegawai-pegawai Perubatan.

8. JURUMESIN TINGKAT II

(Di Jabatan Jerudong Park)

(Bilangan Kod : 081 84-172)

Tanggagaji : F. 3-4 EB. 5 — \$550-\$700 sebulan.

Kelayakan :

- Umur di antara 18 hingga 45 tahun.

- i) Sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja sebagai Mekanik Kenderaan bermotor dalam kerja-kerja yang disebutkan di bawah ini :—

- Membaiki enjin disel dan petrol.
- Membaiki badan kenderaan.
- Mengetahui sebanyak sedikit kerja-kerja welding (gas dan elektrik).
- Wiring untuk kenderaan.
- Motor Winding (adalah satu kelebihan)
- Membaiki kenderaan berat

ATAU

- Sijil Mechanic Kenderaan dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Kelas A1 ataupun Group 'A' Kelas III dan 3 tahun pengalaman seperti yang disebut di b(i) di atas :—

- Mempunyai lesen memandu yang sah.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Menyelenggara dan membaiki kenderaan-kenderaan berat, krin, jentera angkat-susun, trak, traktor, mesin memotong rumput, pam dan lain-lain jentera di Jerudong Park.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 4 Mei 1987.

Bilangan Pendaftaran : 28/1987.

(E/1092/77)

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN

2. Tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, di alamat Jabatan Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat hari Isnin 27 April, 1987 dan hendaklah ditulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG-BARANG MAKTAB UGAMA SERI BEGAWAN, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA" tanpa membubuh atau menunjukkan identiti pemborong.

3. Keterangan lanjut dan borang-borang tawaran boleh diperoleh dari maktab yang berkenaan di Batu 1 1/2, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu sekolah dibuka.

4. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

5. Pemborong — pemborong yang berjaya dijangka akan memulakan perkhidmatan ini mulai bulan Oktober, 1987 bagi tempoh dua tahun.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

NOTIS TAWARAN JABATAN PERIKANAN

TUKANG-tukang Jahit adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka bagi membuat pakaian seragam untuk Jabatan Perikanan seperti berikut:—

1. Safari Jacket/Seluar Panjang	36 pasang @
2. Baju Kemeja Lelaki Pendek Tangan/Seluar Panjang	66 pasang @
3. Baju Kurung/Kain Sarung	20 pasang @
4. Baju Buruh Lelaki Kemeja Pendek Tangan/Seluar Panjang	34 pasang @
5. Baju Buruh Perempuan/Kain Sarung	30 pasang @

2. Semua tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang Tawaran yang telah disediakan kepada Pejabat Tawaran Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.30 tengah hari, hari Rabu 22 April 1987 dalam sampul surat berdaftar dan disal. Sampul surat tersebut hendaklah ditulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBUAT PAKAIAN SERAGAM JABATAN PERIKANAN", tanpa membubuh nama pengirim.

3. Borang Tawaran dan keterangan lanjut mengenai dengan jenis dan warna serta rekabentuk pakaian boleh didapati di Jabatan Perikanan, Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi membuat SPECIALIST TEST SET FOR TRANSPONDER.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan

TAWARAN BAGI MEMBEKAL SPECIALIST TEST SET FOR TRANSPONDER BAGI JABATAN PENERBANGAN AWAM

Bilangan Tawaran: JPA/AT/87/6

tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong ditujukan kepada:

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Perhubungan
Tingkat Satu
Bangunan Sekretariat,
Jalan Elizabeth II
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 12.00 tengah hari pada hari Rabu, 22 April, 1987.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari waktu masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Pejabat Perhubungan Penerbangan Awam, Tingkat 4, Bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran \$100.00 + 20.00 bagi dokumen.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PELAJARAN

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Tawaran yang terletak di luar Bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan:

Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang tertera pada tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pelajaran,
Tingkat Satu,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Penyelaras Tawaran, Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Belait, Negara Brunei Darussalam.

TAWARAN JKR, KUALA BELAIT

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pembangunan,
Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR KB 15 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK No.: 87AB/19600
PEMBINAAN JALAN MASUK R.C. KE SEKOLAH RENDAH KERAJAAN RAMPAYOH.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan diperolehi di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 April, 1987.

Tarikh tutup: 8 April, 1987.
Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR KB 16 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk:

PROJEK No.: 87AB/PEL017
MEMBAIKI GELANGGANG BOLA KERANJANG DI MAKTAB ANTHONY ABELL, SERIA

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan diperolehi di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 April, 1987.

Tarikh tutup: 15 April, 1987.
Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR KB 17 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PEL035
CONSTRUCTION OF DILING HALL FOR SEKOLAH RENDAH SUNGAI LIANG DI DAERAH BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan diperolehi di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 April, 1987.

Tarikh tutup: 13 April, 1987.
Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut:—

Selasa-Khamis 8.00 pagi — 11.00 pagi
1.30 petang — 2.30 petang
Isnin dan Sabtu 8.00 pagi — 10.00 pagi

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Bil. Tawaran	Keterangan	Cagaran	Tarikh Tutup
DA/TQ/67/87	Membekal dan menghantar "Balance Test Carburettor"	\$100.00	15 April
DA/TQ/68/87	Membekal dan menghantar "Stenhof DS 2 Lift"	\$100.00	15 April
DA/TQ/69/87	Membekal dan menghantar "Universal Geared Engine Stands"	\$100.00	15 April
DA/TQ/70/87	Membekal dan menghantar "Battery Chargers"	\$100.00	15 April
DA/TQ/71/87	Membekal dan menghantar "Electrotak" Diesel Tachometer	\$100.00	15 April
DA/TQ/72/87	Membekal dan menghantar "Alatan Pertukangan Kayu bagi Sekolah Menengah"	\$100.00	15 April
DA/TQ/73/87	Membekal dan menghantar "Hadiah" (Piala)	\$100.00	15 April
DA/TQ/74/87	Membekal dan menghantar Alatan "Catering"	\$100.00	15 April
DA/TQ/75/87	Membekal dan menghantar Surveying and Leveling Equipment	\$100.00	15 April
DA/TQ/76/87	Membekal dan menghantar "Germin Louvers"	\$100.00	15 April
DA/TQ/77/87	Membekal dan menghantar Alat-alat Sukan dan Permainan	\$100.00	15 April
DA/TQ/78/87	Membekal dan menghantar Bunga ke Pusat Semaian	\$100.00	15 April
DA/TQ/79/87	Membekal dan menghantar "Equipment for Mechanical Engineering": 1. Morgan Rushworth Folder 2. Modular Instructional Servo System 3. Tachometer Tester 4. Gyro Test Table 5. Barnet Dead Weight Tester 6. Simmonds Fuel Quantity Test Set	\$100.00	22 April
DA/TQ/80/87	Membekal dan menghantar Alatan-alatan Bahagian Elektrik: 1. Feedback Lan 521 Display Oscilloscope 2. Coil Winding Machine	\$100.00	22 April
DA/TQ/81/87	Membekal dan menghantar "Materials Testing Equipment": 1. Determination of Penetration 2. Viscosity of Cut-back Bitumen 3. Muffle Furnace 4. Determination of Flash Point 5. Framed Structures Apparatus Conversion Set III 6. Universal Mechanical Apparatus Accessories	\$100.00	22 April
DA/TQ/82/87	Membekal dan menghantar "Wheel Balancers"	\$100.00	22 April

TAWARAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA BIL: 14/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan hingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 20 April, 1987 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

SUPPLY AND ERECTION OF A2—TIER LONG-SPAN HEAVY DUTY RACKING SYSTEM.
Penawar yang berjaya dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak \$2,000.00 yang mana akan dikembalikan sebaik sahaja pembinaan ke atas Racking System siap dilaksanakan dan diluluskan oleh Pengerusi Stor dan Perbekalan Negara.

Butir-butir dan syarat-syarat tawaran boleh didapati dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara dengan dikenakan bayaran sebanyak \$50.00.

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUSAHA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

No. 63/1987

BAHAWA permohonan ke-pada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji A. Abd. Rahman bin Md. Hussin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Dayang Siti Osman binte Ismail yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 7 April, 1987 jam 10.15 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan ini bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 21 Mac, 1987.

No. 264/1986

BAHAWA permohonan ke-pada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Awg. Sihran bin Pangis kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Sariah binti Bahar yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 7 April, 1987 jam 10.30 pagi.

PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

TAWARAN NO. MINDEF/ OFP/MTB/01/87

HEAVY DUTY WATER-COOLERS.

MEMBEKAL: BCF 34.1 KG FIXED WITHOUT APPLICATOR AND HOSE.

Cagaran: \$100.00.

Syarat-syarat Tawaran

Cagaran: \$100.00.

TAWARAN NO.: MINDEF/ DFP/MTB/02/87

MEMBEKAL: PHOS BRONZE.

Cagaran: \$100.00

TAWARAN NO.: MINDEF/ DFP/MTB/03/87

MEMBEKAL: POLE FOR TENT LIGHT-WEIGHT.

Cagaran: \$100.00

TAWARAN NO.: MINDEF/ DFP/MTB/04/87

MEMBEKAL: EPAULETTES GREEN OFFICER EMBROIDED LARGE.

Cagaran: \$100.00

TAWARAN NO.: MINDEF/ DFP/MTB/05/87

MEMBEKAL: PAINTING OF MINDEF POOL VEHICLES.

Cagaran: \$200.00.

TAWARAN NO.: MINDEF/ DFP/MTB/06/87

MEMBEKAL: EMU SPARES.

Cagaran: \$100.00

TAWARAN NO.: MINDEF/ DFP/MTB/07/87

MEMBEKAL: CONSOLE DRUMS.

Cagaran: \$100.00.

TAWARAN NO.: MINDEF/ GRU/LOG/11B/MTB/ 01/87

MEMBEKAL: 10 UNITS, FREE STANDING,

didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 7 April, 1987, jam 8.45 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan ini bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 19 Mac, 1987.

No. 243/1986

BAHAWA permohonan ke-pada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Awang Abd. Rahman bin Abdul Rahim kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Abdul Rashid bin Abdul Rahman yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah ayah kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 7 April, 1987, jam 10.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan ini bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 21 Mac, 1987.

a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan Bangunan 150, Bolkliah Garison, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 21 April, 1987.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutarga Jabatanarah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutarga, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi tiap-tiap tawaran sebanyak \$100.00 dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERTAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada permohonan yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III:

- (Di Jabatan Sukatan dan Timbangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bilangan Kod: 103 39 — 143)
- (Di Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan) (Bilangan Kod: 016 39 — 143)
- (Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan)

KENYATAAN WARIS

No. 85/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dyg Hashimah binti Abdullah @ Dyg Sebi anak Ulat kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Demit anak Nyang yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 7 April, 1987 jam 9.00 pagi. Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan percabaran itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhasrat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 25 Mac, 1987.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN

- TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat daripada hari Isnin, 6 April, 1987, jam 12.00 tengah hari bagi perkara berikut:—

Tawaran Bil.:	Keterangan	Wang Cagaran
DMS/30/1987	Membekal, menghantar, memasang dan komis ALAT-ALAT PAKAR PENYAKIT KANAK-KANAK	\$200.00 + \$20.00 (dokumen)
DMS/31/1987	Membekal, menghantar, memasang dan komis ALAT-ALAT PAKAR BIUS	\$100.00 + \$15.00 (dokumen)

- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan di'ayan.
- Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.
- Semua tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup dan ditulis dengan bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Tingkat 4,
Jalan James Pearce,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Bandar Seri Begawan.

- Cagaran bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti yang dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

(Bilangan Kod: 074 39 — 143)

- (Di Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan) (Bilangan Kod: 055 39 — 143)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan:

- Umur tidak kurang dari 18 tahun.
- i) Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

- Storman Tingkat I yang telah ditetapkan dalam jawatan atau Penyelenggara Stor yang bergaji hari yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan boleh juga dipertimbangkan.

- Berpengalaman dalam kebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab akan diberi keutamaan.
- Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

2. PENDHOBBI:

- (Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan) (Bilangan Kod: 062 56 — 012)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan:

- Umur tidak lebih daripada 45 tahun.
- Pandai membaca dan menulis.
- Berpengalaman menyuci kain dengan menggunakan mesin-mesin adalah satu keutamaan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Memungut kain-kain kotor dari wad-wad dan bahagian rumah sakit dan menghantar balik kain-kain yang bersih ke tempat-tempat yang sama.
- Menyuci, mengering dan

menseterika dengan menggunakan alat-alat mesin yang disediakan.

3. TUKANG LUKIS:

- (Di Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan) (Bilangan Kod: 057 03 — 296)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan:

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dan lulus dalam mata pelajaran Lukisan.
- Berpengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan dan berkebolehan melukis dan menyalin lukisan peta adalah satu kelebihan.

- Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang memperoleh keupujian dalam mata pelajaran Ilmu Hisab.

4. TUKANG KAYU:

- (Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bilangan Kod: 106 95 — 413)

Tanggagaji: E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 sebulan.

- Umur tidak kurang dari 20 tahun.

- i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta berpengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu tidak kurang dari 3 tahun.

- ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan atau berkhidmat dalam kerja-kerja pertukangan kayu tidak kurang dari 5 tahun.
- Kecekapan dalam menggunakan perkakas tukang kayu dan alat-alat yang menggunakan tenaga elektrik serta mengetahui jenis-jenis kayu dan tahu membuat perkiraan mengenai satu kelebihan.

5. PENGHANTAR SAMAN:

- (Di Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan) (Bilangan Kod: 052 37 — 051)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan:

- Umur 18 tahun ke atas.
- i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- Berpengalaman dalam kerja-kerja Penghantaran Saman dalam perkhidmatan Kerajaan tidak kurang dari 2 tahun.
- Berkebolehan membaca Peta adalah merupakan satu kelebihan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 27 April, 1987. (Bilangan Pendaftaran: 26/1987).

(E/27/79)

Pembetulan

JAWATAN kosong sebagai PENYUNTING KANAN dan PENYIAR BERITA, di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan dalam Pelita Brunei pada 4 Mac 1987 terdapat kesilapan.

PENYUNTING KANAN

(Bil. Kod: 009 15-922)
Para (a) (i) dan (a) (ii) sepatutnya di baca:

- i) Higher National Diploma (HND) dalam Mass Komunikasi atau kewartawanan dan kelulusan dalam bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
- Berpengalaman dalam kewartawanan dan penyuntingan.

dan bukannya

- i) Higher National Diploma dan Media Mass atau kewartawanan dan kelulusan dalam bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
- Berpengalaman dalam kewartawanan dan penyuntingan.

PENYIAR BERITA

(Bil. Kod: 009 17-921)

Tugas-tugas dan Tanggungjawabnya yang mana sepatutnya dibaca:

Membaca berita dan menyampaikan rancangan-rancangan di Radio dan Televisyen. Pembaca-pembaca Berita di RTB juga mungkin diarahkan bertugas sebagai Penerima di Bahagian Berita. Mereka adalah di bawah kawalan Ketua Penyunting Berita. Keutamaan sepenuhnya mestilah diberikan sepanjang masa terhadap tugas-tugas pembacaan berita TV dan Radio. Mereka juga diperlukan untuk keluar membuat laporan berita.

dan bukannya

Menjadi pembantu kepada Ketua Penyunting Berita dan Hal Ehwal semasa dalam menyedakan / penyuntingan / membuat skrip dan penyampaian siaran-siaran Berita harian dalam berita-berita tempatan dan antarabangsa termasuk ASIATION serta mengawasi susunan teratur dalam siaran berita dan penerbitan berita harian yang diterbitkan oleh Penyunting yang bertugas. Penyunting Kanan Berita juga dikehendaki menerbitkan rancangan hal-ehwal semasa seperti DUNIA MINGGU INI dan SUDUT ASIA secara bergilir-gilir. Penyunting Kanan Berita juga bertanggungjawab mengawasi kakitangan di bawah arahnya.



SEBAGAI INSPEKTOR POLIS

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada pemuda-pemuda yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi beberapa jawatan kosong sebagai INSPEKTOR dalam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kelayakan:

- Berumur di antara 19 dan 26 tahun.
- Pemohon-pemohon mestilah sekurang-kurangnya telah lulus Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa ('O' Level) (Aliran Inggeris).
- Tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 2 inci (1.575 meter).
- Sukatan minimum dada apabila dikempiskan hendaklah 34 inci (86.36 sentimeter).
- Kesesuaian tubuh badan pada keseluruhannya hendaklah memuaskan.

Calon-calon yang berjaya

akan menjalani latihan mulla selama setahun, lah menamatkan tempoh sebagai Inspektor Polis mereka akan ditempatkan sebagai cawangan untuk menambah penguasaan dan akan menjalani kursus lanjutan sebelum tapkan pangkat sebagai Inspektor. Semua pegawai yang menghadiri kursus tersebut akan diberi gaji dan elaun semasa menjalani latihan.

Gaji:

(Inspektor Percubaan) \$1025.00 - \$1615.00 + \$186.00 Elaun Cuti semasa menjalani latihan.

Borang-borang permohonan dan maklumat lanjut mengenai tempoh dan syarat perkhidmatan boleh diperolehi dari:—
Pegawai Turus Latihan Pasukan Polis Diraja Brunei Darussalam, Gadong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 14 April 1987.

Sebagai Kadet Penolong Penguasa Polis

PERMOHONAN - permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai Kadet Penolong Penguasa Polis. Hanya Pemegang-pemegang ijazah universiti atau yang sebanding dengannya saja perlu memohon.

Gaji:

PD 13: \$2570, \$2630, \$2690, \$2760, \$2855 + Elaun Polis.
1. Elaun Khas — \$200.00
2. Elaun Polis — \$100.00
ELAUN:
Ijazah \$300.00 sebulan.
Ijazah Pujian \$500.00 se-

bulan.
Ijazah Sarjana \$700.00 sebulan.

Calon-calon yang memohon tidak perlu memohon lagi kerana permohonan mereka akan pertimbangkan bersama. Borang-borang permohonan dan maklumat lanjut mengenai tempoh dan syarat perkhidmatan boleh diperolehi dari:

PEGAWAI TURUS LATIHAN, IBU PEJABAT POLIS DIRAJA, GADONG, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 30 April 1987.

Sebagai Merinyu Hal Ehwal Ugama

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai MERINYU HAL EHWAL UGAMA, di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

(Bilangan Kod: 112 14-188)

Tanggagaji: E. 3 EB. 4 — \$660-\$875 sebulan.

Kelayakan:

- Umur tidak kurang dari 20 tahun.
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
- Tahu membaca dan menulis Jawi.
- Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan yang dinyatakan di (b) di atas, tetapi sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun serta berpengalaman dalam urusan-urusan Mahkamah atau hal-hal penyiasatan boleh juga dipertimbangkan.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan

juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 11 Mei 1987. (Bilangan Pendaftaran: 1987).

(E/326/72)



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN

Kegiatan sukan di sana sini

Mass jogging di Daerah Temburong

JABATAN Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan anjuran bersama Pejabat Daerah Temburong akan menganjurkan acara Mass Jogging khas bagi jabatan-jabatan Kerajaan, mukim-mukim, persatuan-persatuan, swasta-swasta, sekolah-sekolah dan orang-orang perseorangan terbuka bagi penduduk Daerah Temburong.

Acara ini akan berlangsung pada 19 April, 1987. Borang-borang dan keterangan lanjut bagi acara ini bolehlah didapati dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan cawangan Temburong dan borang-borang hendaklah dikembalikan tidak lewat pada 9 April, 1987.

Kursus pengadil bola jaring bagi guru-guru

KURSUS Pengadil Bola Jaring bagi guru-guru sekolah rendah dan menengah seluruh negara akan diadakan pada 5 April depan bertempat di Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) bermula jam 8.00 pagi.

Seramai 60 orang guru di seluruh negara dijangka akan menyertai kursus tersebut yang dianjurkan oleh Bahagian Kajian Luar, Yunit Jasmani, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran.

Menurut jurucakap jabatan tersebut kursus itu akan diendalikannya oleh dua orang penceramah dari Kelab Panaga iaitu Dayang Hazel Sexton dan Dayang Catherine Robertson.

Kejohanan renang kebangsaan terbuka

JABATAN Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama Persatuan Renang Amatir Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan Kejohanan Renang Peringkat Umur kali ke-3 dan pada 24 dan 25 April, 1987.

Kejohanan ini terbuka kepada kanak-kanak dan belia-belia dari persatuan belia, kelab sukan, pertubuhan awam, jabatan-jabatan kerajaan dan orang-orang perseorangan.

Borang-borang dan keterangan lanjut bolehlah didapati dari pihak penganjur di kolam Renang Anggerak Desa, Berakas, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan hendaklah dikembalikan tidak lewat pada 9 April, 1987.

500 sertai Kejohanan Olahraga ABDB

BATALION kedua Angkatan bersenjata Diraja Brunei munculkan sebagai juara keseluruhan bagi Unit-Unit Besar, manakala Pasukan Bateri Pertahanan Udara munculkan sebagai juara keseluruhan antara Unit-unit Kecil dalam Kejohanan Olahraga antara Unit-unit Besar dan Kecil di Stadium Berakas Garrison di sini.

Kejohanan dua hari itu disertai oleh lebih dari 500 orang olahragawan dan olahragawati dan dari enam Unit Besar dan sembilan Unit Kecil.

Sepuluh 14 acara lorong dan padang dipertandingkan dalam kejohanan itu dan pemenang-pemenangnya akan dipilih bagi mewakili Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam kejohanan olahraga tentera British di Hong Kong.



KELIHATAN Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah ketika beraksi dalam Kejohanan Snooker di Kelab Layar Diraja Jumaat lepas. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Daerah Brunei juara kejohanan tennis



KETUA Pasukan Tennis Wanita Daerah Belait menerima piala yang disampaikan oleh YAM Pengiran Lela Perkasa Pengiran Mohd. Said. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

DAERAH Brunei muncul sebagai juara keseluruhan lelaki dan wanita kejohanan tennis tahunan antara daerah apabila menumbangkan juara bertahan tahun lalu Daerah Belait di Kelab Tennis di sini, Sabtu lalu.

Pasukan Lelaki Daerah Brunei menundukkan Pasukan Lelaki Daerah Belait dengan lima perlawanan berbalas dua selanjutnya meraih Piala Sharifuddin. Pasukan Wanita pula menewaskan Pasukan Wanita Daerah Belait dengan empat perlawanan berbalas satu dan selanjutnya meraih Piala Wanita Antara Kelab.

Keputusan keseluruhan ialah bergu pertama Brunei, Dr Ding dan John Tan menewaskan pasangan Belait, Han Foo Kwang dan Event Paul. Tetapi dalam perlawanan kedua Belait berjaya menyamakan kedudukan apabila pasangan regu mereka Ful Tech Beng dan James Lim menewaskan regu kedua Brunei, Ariffin Azmain dan Nasir Damit.

Dalam perlawanan regu ketiga Belait mengatasi Brunei setelah regu ketiga mereka Christopher Fong dan Alex Bell menewaskan pasangan Brunei, Rahim Yusof dan Rahman Razali.

Bagaimanapun, Brunei kemudiannya menyamakan kedudukan apabila Thomas Sim yang berpasangan dengan Toni Sim menewaskan pasangan Belait, Mitchell dan Plenty.

Brunei seterusnya mengukuhkan kedudukan apabila memenangi perlawanan-perlawanan kelima, keenam dan ketujuh melalui Chua Peng Chai dan Ishak Yusof menewaskan Chiang dan Chang, John Chia yang berpasangan dengan Pengiran Omar Limbang menewaskan Ghani Duraman dan Lim Soon Yee dan perlawanan terakhir, Alert Lee berpasangan dengan Edmund Song menewaskan Gregham dan Yusof Taufik.

Lain-lain perlawanan yang dimenangi Brunei ialah perseorangan pertama Alice Goh menewaskan Mary Law. Perseorangan kedua Selina Conner menewaskan Maria Walsh. Bergu pertama Mariana dan Angela menewaskan Kitty dan Tess. Pasangan bergu ketiga Betty dan Leona menewaskan Pete Lin dan Zaitun.

Youngsters dan Kota Rangers ke perlawanan akhir

Mukim Peramu rebut Piala Jawatan Luar

MUKIM Peramu berjaya membuktikan keupayaan mereka untuk muncul sebagai juara bola sepak bawah umur 16 tahun Piala Pehin Jawatan Luar, setelah menumpaskan Mukim Lumapas 2-1 dalam perlawanan akhir di Stadium Negara Hassanah Bolkih Berakas Jumaat lepas.

Gol penyudah kemenangan itu dihasilkan melalui penyerang utama Hamdan Muhiin di minit ke-26 separuh masa pertama hasil gerakan kilat di tengah padang di mana dia hanya berseorangan membawa bola tanpa dikawal oleh mana-mana pemain.

Terdahulu dari itu, di minit-minit awal permainan Mukim Lumapas menunjukkan keupayaan mereka

Kejohanan Junior Snooker

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, putera sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berjaya memasuki perlawanan separuh akhir Kejohanan Junior Snooker di Kelab Layar Diraja Brunei di sini.

Dalam perlawanan suku akhir Yang Teramat Mulia menewaskan Poh Sung Huat dengan mata 46-40, 70-22. Dalam perlawanan separuh akhir nanti Yang Teramat Mulia akan bertemu dengan John East Wood.

John East Wood, dalam perlawanan suku akhir telah berjaya menumpaskan Sunny Ong dengan mata 24-58, 50-18 dan 47-18.

dengan mengatur serangan-serangan berbahaya dan hasilnya mereka mendahului Mukim Peramu 1-0, di awal permainan kelima melalui pemain sayap kanan Azman Ahal. Azman memperolehi jaringan itu apabila dia melarikan bola ke tepi sebelah kanan dan menewaskan salah seorang pemain pertahanan terakhir Mukim Peramu serta seterusnya hanya berdepan dengan penjaga gol.

Hasil daripada gol kejutan itu, Mukim Lumapas terus mengasak Mukim Peramu dengan serangan bertubi-tubi dari sebelah kiri dan kanan. Bagaimanapun dengan kecekapan penjaga gol Azami Mayasin semua percubaan itu dapat dipatahkan.



SEORANG pemain pertahanan Mukim Lumapas membuat 'clearance' di depan pintu gol mereka. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

DUA buah kelab terkemuka dari Daerah Brunei-Muara, Youngsters and Kota Rangers 'menempah tiket' ke perlawanan bola sepak jempunan antara kelab-kelab seluruh negara yang akan berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkih pada 10 April depan.

Kedua kelab itu berjaya menyingkirkan pencabar mereka masing-masing dalam perlawanan separuh akhir yang dijalankan secara timbal balas.

Youngsters mengenapikan Sabina juga salah sebuah kelab dari Daerah Brunei-Muara dengan agregat 5-2, manakala Kota Rangers mengenapikan Bandaran dari Kuala Belait dengan agregat 9-1.

Dalam pusingan pertama di padang JKBS, Youngsters menewaskan Sabina 3-1, sementara dalam pusingan kedua di padang JKR Youngsters juga menang dengan 2-1.

SETIAUSAHA NEGARA PERTAHANAN UK DITERIMA MENGADAP



Oleh Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ahli Parlimen yang juga Setiausaha Negara bagi Pertahanan United Kingdom, Yang Berhormat George Younger pada petang Rabu, 25 Mac lepas di Istana Nurul Iman.

Di istiadat itu, Yang Berhormat diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Roger Westbrook.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di Istana Nurul Iman. — Gambar oleh Pg. Hj. Yusoff

PESURUHJAYA Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Roger Westbrook (tengah) memperkenalkan Yang Berhormat George Younger, Ahli Parlimen yang juga Setiausaha Negara bagi Pertahanan United Kingdom ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub PHO.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika menerima junjung ziarah lebih 300 umat Islam yang menghadiri Majlis Israk Mikraj di Istana Nurul Izzah, Jerudong pada 27 Mac, lepas.

Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah.

Penceramah khas yang diundang dari Indonesia, Dr. H. Tutty Alawiyah telah menyampaikan ceramah yang berkisar dari peristiwa Israk dan Mikraj junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Dari muka 1

minyak diturunkan dari 260 ribu tong kepada 175 ribu tong sehari katanya.

Selanjutnya Datin Hajjah Jusnani menjelaskan semenjak dasar penjimatan dilakukan oleh Kerajaan, sumbangan kepada ekonomi negara adalah menurun disebabkan turunnya penghasilan dalam tahun-tahun 1980, 1983 dan 1984.

Bagaimanapun, dalam tahun 1985 hingga 1986 pengeluaran sumbangan kepada pengeluaran kasar dalam negara adalah menggalakkan.

Sumbangan kepada pengeluaran kasar dalam negeri bagi sektor bukan minyak jelasnya adalah menggalakkan. Dalam tempoh antara tahun 1982 hingga 1985 dan seterusnya ke tahun 1986, pertumbuhannya semakin meningkat hingga kepada 18 peratus.

Oleh itu, menurutnya, Pertumbuhan dalam sektor bukan minyak dalam tahun 1986 bolehlah dilihat pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan masyarakat yang mana ini adalah kebanyakannya hasil daripada sektor Kerajaan dan sektor lain tidak begitu menggalakkan.

Lawatan Perdana Menteri Malaysia

Meningkatkan hubungan k'sama

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di Istana Nurul Iman di sini Isnin lepas.

Turut sama mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, termasuklah Yang Berhormat Dato' Ling Leong Sik, Menteri

Pengangkutan; Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu, Menteri Kerja Raya; Yang Berhormat Dato' Abu Hassan Haji Omar, Menteri Wilayah Persekutuan; Jeneral Tan Sri Mohammed Ghazali Che Mat, Penglima Angkatan Tentera Malaysia; Tan Sri Haniff Omar, Ketua Polis Negara serta beberapa orang pegawai-pegawai kanan Kerajaan Malaysia yang menyertai rombongan itu.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan 'rundingan tertutup' dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri

Dr. Mahathir Mohamad.

Sementara itu dalam acara yang berasingan di waktu yang sama, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa mengadakan perjumpaan dengan Yang Berhormat Dato' Ling Leong Sik, Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu, Menteri Kerja Raya, dan Yang Berhormat Dato' Abu Hassan Haji Omar,

Menteri Wilayah Persekutuan. Turut hadir dalam perjumpaan itu ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato' Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan Menteri Pembangunan Yang Berhormat Pengiran Dato' Seri Laila Jasa Dr. Ismail.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan rombongan ke negara ini Isnin telah lawatan muhibah ke Brunei Darussalam. Lawatan tersebut antaranya bertujuan bagi mengeratkan hubungan kerjasama antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam, selain membina hubungan dua hala.

Semasa dalam lawatan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia berkesempatan menghadiri majlis taklimat mengenai Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun Strategik. Pelaburan perjumpaan dengan ahli-ahli niagaan Melayu Brunei dan perjumpaan dengan masyarakat Malaysia negara ini.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad beserta rombongan berlepas ke Keluaran Bersejarah lapangan terbang mengucapkan selamat belanjau Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Digadong Sahibul Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mai Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan ketika bersalam-salaman dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.